26.	Income Generation	RM 5m	RM 5.97m	RM 10m	meminta penetapan sasaran penjana pendapatan yang lebih tinggi untuk 2012 dengan mengambilkira sumbangan Alumni Putra (pasaran Alumni Putra adalah 60%, Alumni Pertanian 30% dan Alumni Kolej 10%)

 Universiti Putra Malaysia Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve					
INDUSTRIAL & COMMUNITY LINKAGES					
No.	KPI	Target 2011	Overall Achievement 2011	Target 2012	Remarks
1.	% of Industrial penetration of 7229 Identified GLC, MNC, PLC & others that strategic to UPM	20 %	24% (1758)	25% (1807)	Rating of Industry penetration Note: KEY INDICATORS FOR INDUSTRY IMPACTS (5 STAR RATINGS) slide 4
2.	b) % of increase In Community penetration on identified 34 Communities strategic and relevant to UPM	20 %	20%	25% (34)	136 Districts 7 cluster Rating of community engagement according to outcomes Note: KEY INDICATORS FOR COMMUNITY IMPACTS & 7 COMMUNITY CLUSTER (5 STAR RATINGS) slide 5 & 6

 Universiti Putra Malaysia Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve					
INDUSTRIAL & COMMUNITY LINKAGES					
No.	KPI	Target 2011	Overall Achievement 2011	Target 2012	Remarks
3.	Employers Satisfaction Index (Input to SETARA: Total Score 13)	12	12.26* (94.3%) - 115 respondents	12** (92.3%)	*Q3 : 80, Respondent 25 ** Q4 : 80, Respondent 115
4.	Income Generation C&S : 20m Impact : 12m - FACE : 9m	RM 20m	RM 26.5 m	RM 50m	meningkatkan sasaran penjana pendapatan bagi tahun 2012
5.	To develop a platform for contribution by the external agencies and industries to the university				Develop portal that can be access by industry & external agencies

 Universiti Putra Malaysia Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve					
HUMAN RESOURCE					
No.	KPI	Target 2011	Overall Achievement 2011	Target 2012	Remarks
32.	Talent Management (TM) i) Developing credible outcome-based appraisal system for all a. Academic b. P&P c. Support	100 %	45%		100 100 (Q2) 100 (Q4)

 Universiti Putra Malaysia Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve					
HUMAN RESOURCE					
No.	KPI	Target 2011	Overall Achievement 2011	Target 2012	Remarks
33.	TM: ii) Recruitment: a) Academic Staff with PhD	80%	77.96%	80%	-
34.	TM: ii) Recruitment: b) Non- Academic Staff with qualification higher than scheme requirement New KPI Non- Academic Staff with multitasking ability	10%	44.43%		

 Universiti Putra Malaysia Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve					
HUMAN RESOURCE					
No.	KPI	Target 2011	Overall Achievement 2011	Target 2012	Remarks
35.	1 Certification of MS ISO 9001:2008 New KPI Information Security Management System (ISMS ISO 27001:2007)	100%	100%	-	COMPLETED
36.	Customer Satisfaction Index*	70 %	66.89%	70%	-
37.	Financial Savings	RM 10m	RM 15.6m	RM10m	-

*NB : Percentage of respondents rate CSI > 4.00

 Universiti Putra Malaysia Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve					
FINANCIAL MANAGEMENT					
No.	KPI	Target 2011	Overall Achievement 2011	Target 2012	Remarks
38.	Overall Income Generation from Bursar	RM 40m	RM 42.3m	RM 45m	sasaran penjanaaan pendapatan disemak semula dengan cadangan menubuhkan lebih banyak Yayasan yang boleh membantu penjanaaan pendapatan
39.	Clean Bill from Auditor General	100%	-	100%	-
40.	Customer Satisfaction Index on Financial Services *	70%	93%	70%	-

*NB: Percentage of respondents rate CSI > 4.00

 Universiti Putra Malaysia Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve					
LIBRARY SERVICES					
No.	KPI	Target 2011	Overall Achievement 2011	Target 2012	Remarks
41.	Customer Satisfaction Index (CSI) - Undergraduates	70%	75.40%	75%	-
42.	CSI- Postgraduates	70%	71.81%	75%	-
43.	CSI - Staffs	70%	61.34%	75%	-
44.	Reduction of Cost Per Content Downloaded (based on six most expensive databases)	10%	-7%	5%	-
45.	% of Required titles in the collection (to assess to what extent reading list titles are owned by the library)		59.12% (Based on 4374 titles received from 10 faculties for Undergraduate courses)	65%	NEW KPI

*NB: Percentage of respondents rate CSI > 4.00

**CATATAN TINDAKAN PEMBETULAN DAN PENCEGAHAN (CAPA)
BENGKEL PENCAPAIAN KPI SUKU KEEMPAT 2011
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 9 Januari 2012 (Isnin)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Hotel Marriott, Putrajaya
Kehadiran : Lampiran A

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
1.	<u>UCAPAN PENGARAH PERANCANGAN KORPORAT</u> Pengarah Perancangan Korporat: - mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang hadir ke bengkel kali ini; dan - menyatakan tujuan bengkel adalah untuk melaporkan status pencapaian KPI suku keempat 2011, ketidakcapaian bagi PTJ tertentu serta membincangkan sasaran bagi KPI tahun 2012.	
2.	<u>UCAPAN ALUAN Y.BHG. DATO' NAIB CANSOLOR</u> Y.Bhg. Dato' Naib Canselor: - merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran peserta bengkel; dan - menyatakan Dekan/Pengarah Institut akan melaporkan ketidakcapaian KPI bagi tahun 2011. - Memaklumkan setiap KPI telah diturunkan daripada Peneraju ke PTJ yang berkaitan untuk diambil tindakan.	Makluman
3.	<u>PEMBENTANGAN PENCAPAIAN KESELURUHAN KPI UPM 2011 OLEH Y.BHG. DATO' NAIB CANSOLOR</u> Y.Bhg. Dato' Naib Canselor: - membentangkan pencapaian keseluruhan Q4 yang dicapai mengikut peneraju masing-masing; - merakamkan perhatian kepada pencapaian KPI TNC (JI&M) dan meminta untuk mengenalpasti komuniti yang relevan kepada universiti serta aktiviti yang mempunyai impak. - mencadangkan agar fungsi dan peranan bahagian HEPA lebih berbentuk <i>outcome-based</i> dan bukannya <i>activity-based</i>. Manakala pelaksanaan aktiviti kokurikulum berkredit perlu menekankan nilai psikomotor disamping nilai afektif. - meminta agar diadakan kaedah pengukuran penaksiran kecemerlangan berdasarkan prestasi bagi KPI Pegawai Pengurusan & Profesional serta Pegawai Sokongan agar dapat memudahkan urusan pelaksanaan polisi pemisah (exit policy) kelak.	Tindakan : TNC (JI&M) Tindakan : TNC (HEPA) Tindakan : Pendaftar
	3.a Pembentangan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengenai Pencapaian TNC (A&A)	

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum prestasi pencapaian TNC (A&A) dan: i. Memaklumkan pencapaian SETARA telah diukur berdasarkan penilaian sendiri yang dijalankan menggunakan instrumen SETARA '11 yang ditambahbaik. Ini menunjukkan UPM berpeluang untuk mencapai kedudukan Tier 6 (Gemilang) sekiranya pencapaian sebenar melepasi paras 80%. ii. Mengambil perhatian terhadap pencapaian skor My3S : <i>Communication Skill</i> (BI) (86.15%) dimana 14.85% pelajar tahun akhir yang akan bergraduat masih belum boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik dan sasaran 100% perlu dicapai dalam tempoh masa tiga tahun yang akan datang. iii. Merakamkan perhatian kepada tahap pencapaian skor My3S: <i>Communication Skill</i> (BM) (94.91%) dimana masih terdapat sebanyak 5% pelajar UPM yang gagal untuk berartikulasi dalam BM dengan baik. iv. Memaklumkan bahawa intervensi telah dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti pengambilan pelajar Asasi Pertanian dan seterusnya meningkatkan pengambilan pelajar berkualiti daripada sekolah berprestasi tinggi, MRSM dan lain-lain supaya peratusan pelajar baharu program bacelor yang mempunyai 3.5 PGNK ke atas meningkat. Selain itu fokus juga harus diberikan kepada pelajar lepasan diploma. v. Memaklumkan bahawa sistem untuk pengambilan dan pengurusan pelajar antarabangsa sedia ada ditambahbaik dengan penubuhan UPM International Sdn. Bhd. bagi meningkatkan peratusan pelajar antarabangsa yang terpilih dan berkualiti. Selain meningkatkan bilangan, matlamat utama adalah untuk mengantarabangsakan kampus bagi memberi pendedahan kepada pelajar tempatan. vi. memandangkan sasaran KPI bilangan graduan PhD tercapai, sasaran tahun 2012 perlu ditingkatkan kepada 400. Namun sasaran perlu bersesuaian dengan bilangan pengambilan pelajar PhD. Sasaran ini selari dengan sasaran pada tahun 2013 iaitu seramai 500 graduan PhD perlu dihasilkan bagi memenuhi status sebagai Universiti Penyelidikan (RU). vii. peratusan graduan PhD yang menamatkan pengajian dalam tempoh 4 tahun menghampiri sasaran yang ditetapkan. Meminta supaya kualiti penyeliaan ditingkatkan selain isu etika dan isu-isu lain yang perlu diambil tindakan sewajarnya. viii. mengambil maklum KPI penjanaan pendapatan tidak dapat dicapai kerana hanya melibatkan satu sesi pengambilan pelajar sahaja iaitu pada bulan September 2011.	Tindakan: TNC (A&A) / Dekan/ PASP Tindakan: TNC (A&A) / UPM (I) Tindakan: TNC (A&A) / SPS / GSM Tindakan: Dekan/ SPS/ GSM Makluman
	3.b Pembentangan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengenai Pencapaian TNC (P&I) Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum prestasi pencapaian TNC (P&I) dan:	

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	i. memaklumkan markah penilaian sendiri MyRA 120.1% mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun ianya mungkin berubah selepas proses audit RU. Bagi tahun 2012, proses pengauditan akan menggunakan instrumen MyRA II yang akan memberi penekanan kepada impak kesarjanaan terhadap kemaslahatan ummah, dan impak kepada penjana pendapatan negara. Dimensi akan diketatkan lagi dengan penekanan kepada kualiti berbanding kuantiti seperti pemenang <i>Nobel Laurette</i>, <i>Distinguish Professors</i> dan <i>Field Medalist</i>. ii. memaklumkan bahawa terdapat 22 produk masih diperingkat awal untuk dikomersilkan. iii. memaklumkan pencapaian bilangan penerbitan faktor impak dan CIJ telah melepasi sasaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun untuk mencapai tahap penerbitan antarabangsa pencapaian faktor impak perlu melepasi tahap psikologi 2000. Sehingga kini, bilangan penerbitan faktor impak (termasuk inpress) telah berjumlah 2046.3 dan jumlah sebenar akan diketahui menjelang April 2012. iv. Mengharapkan supaya penyelidik dapat mengekalkan penghasilan penerbitan yang bermutu tinggi dan tidak terlalu bergantung kepada insentif kewangan. Mencadangkan agar menukar pemberian insentif kewangan kepada insentif lain seperti geran penyelidikan. v. Memaklumkan bilangan inovasi telah mencapai sasaran yang ditetapkan. UPM mempunyai polisi yang ketat dalam pemilihan produk yang dipatenkan bagi memastikan produk yang dipatenkan berbaloi (worth patenting). vi. Meminta sasaran Impak (Bilangan staf/ penyelidik yang memberi impak tinggi terhadap jaringan penyelidikan universiti) bagi tahun 2012 disemak semula memandangkan sasaran 2011 telah tercapai. vii. Memaklumkan pencapaian penjana pendapatan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan sasaran masih dikekalkan bagi tahun 2012.	Makluman/ Tindakan: TNC (P&I) / RMC Tindakan: TNC (P&I) / RMC/ Dekan Makluman/ Tindakan: TNC (P&I) / RMC
	3.c Pembentangan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengenai Pencapaian TNC (HEPA) Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum prestasi pencapaian TNC(HEPA) dan: i. memaklumkan bahawa kebolehpasaran graduan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan berdasarkan operasi definisi awal iaitu tidak mengambilkira graduan yang menunggu penempatan. Kebolehpasaran graduan ini saling berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu kepelbagaian pendekatan melalui <i>Student-Centered Learning (SCL)</i>, <i>Case Learning</i>, <i>Problem-Based Learning (PBL)</i>, <i>Project-Oriented PBL (POPBL)</i> yang lebih menyeluruh, pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum berkredit, <i>campus life</i> selain melibatkan pelajar dalam membuat keputusan yang seterusnya boleh meningkatkan kemampuan artikulasi yang dapat dilihat melalui atribut pelajar dan Kajian Kepuasan Majikan. ii. Mencadangkan supaya pelajar dilibatkan didalam proses membuat keputusan supaya pelajar mempunyai semangat kepunyaan (ownership) dan seterusnya meningkatkan Indeks Kepuasan Pelajar. iii. Memaklumkan bahawa tahap pencapaian 2011 My3S telah meningkat	Makluman/ Tindakan: TNC (HEPA)/ CPC Makluman/ Tindakan: TNC (HEPA)

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	berbanding 2010. iv. Memaklumkan penjana pendapatan melonjak kepada RM5.97juta berbanding RM0.8juta pada tahun 2010. Mencadangkan supaya sasaran 2012 ditingkatkan dan memartabatkan Wakaf Ilmu bagi kegunaan bantuan kewangan generasi pelajar akan datang. v. Penjana pendapatan boleh dijalankan melalui Yayasan, Alumni dan kemajuan hartanah UPM.	Makluman/ Tindakan: TNC (HEPA)/ Pusat Alumni
	3.d Pembentangan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengenai Pencapaian TNC (JIM) Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum prestasi pencapaian TNC (JIM) dan: i. memohon agar Peneraju menyemak semula sasaran jaringan industri dan jaringan komuniti mengikut definisi baharu yang telah dipersetujui. ii. Mengambil maklum penggunaan borang Kajian Soal Selidik yang telah dibangunkan oleh Pejabat TNC(JIM) yang selari dengan Soal Selidik baharu yang akan digunakan oleh MQA. Pencapaian Kajian Kepuasan Majikan yang dijalankan menunjukkan majikan berpuas hati dengan kualiti graduan UPM. iii. meminta agar peneraju meningkatkan penetapan sasaran penjana pendapatan bagi 2012.	Tindakan: TNC (JIM)
	3.e Pembentangan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengenai Pencapaian PENDAFTAR Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum prestasi pencapaian Pendaftar dan: i. meminta agar diadakan kaedah pengukuran penaksiran kecemerlangan berdasarkan prestasi bagi KPI Pegawai Pengurusan & Profesional serta Pegawai Sokongan agar dapat memudahkan urusan pelaksanaan polisi pemisah (exit policy) melalui SBPA kelak. Pengukuran dan penanda aras yang bersesuaian bagi setiap skim perlu ditetapkan. Contoh pengukuran prestasi yang boleh digunakan adalah tahap kepuasan staf bagi perkhidmatan yang diberikan. ii. meminta supaya kriteria multi-tasking digunakan dalam proses penilaian staf bukan akademik. Kemampuan multi-tasking penting bagi membentuk sebuah organisasi yang keajaiban selari dengan pelaksanaan SBPA. iii. memaklumkan UPM telah berjaya memperolehi satu persijilan MS ISO 9001:2008 dengan penutupan beberapa NCR yang telah diberikan. iv. memaklumkan CSI tidak tercapai mungkin disebabkan sasaran yang terlalu tinggi. Sasaran 2012 perlu disemak semula. v. Penjimatan kewangan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.	Makluman/ Tindakan: Pendaftar Makluman
	3.f Pembentangan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengenai Pencapaian BENDAHARI Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum prestasi pencapaian Bendahari dan i. memaklumkan bahawa laporan dan sijil tanpa teguran (Clean Bill) bagi 2011	

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	masih belum diperolehi daripada Ketua Audit Negara. ii. memaklumkan bahawa Pejabat Bendahari menggunakan skala yang berbeza untuk pengukuran Kajian Kepuasan Staf iaitu skala likert 4. Meminta supaya skala tersebut diubah menggunakan skala yang telah ditetapkan oleh Universiti iaitu skala likert 5.	Tindakan: Bendahari
	3.g Pembentangan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengenai Pencapaian KETUA PUSTAKAWAN Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum prestasi pencapaian Ketua Pustakawan dan memaklumkan bahawa Indeks Kepuasan Staf dan KPI baru iaitu <i>Reduction of Cost per Content Downloaded</i> tidak mencapai sasaran. <u>KESIMPULAN</u> Y.Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum keseluruhan pencapaian KPI 2011 adalah memuaskan dan i. Meminta pihak BPK untuk mewujudkan indikator untuk mengukur Indeks Integriti di kalangan staf. ii. Mengambil maklum cadangan untuk mewujudkan sistem <i>rating</i> bagi PTJ sokongan seperti yang dibuat menerusi MyRA pada Fakulti dan Institut. iii. Memaklumkan instrumen MyRA juga telah digunakan untuk memberi <i>rating</i> bagi PTJ sokongan.	Tindakan: Ketua Pustakawan Tindakan: BPK Tindakan: Pendaftar/ BPK Makluman
4.	<u>PEMBENTANGAN KETIDAKCAPAIAN PTJ</u> <u>Pencapaian Prestasi Fakulti</u> Y.Bhg. Dato' Naib Canselor meminta Dekan dan Pengarah membentangkan punca dan tindakan pembetulan/pencegahan bagi KPI yang tidak tercapai. Fakulti Pengajian Alam Sekitar Dekan : i. Memaklumkan bahawa fakulti akan meningkatkan peratus kemasukan dengan CGPA 3.5 dengan pemilihan daripada pelajar diploma. ii. Memaklumkan fakulti tidak mencapai sasaran pelajar antarabangsa. Walau bagaimanapun 6 orang pelajar antarabangsa akan mendaftar tahun ini. iii. Memaklumkan fakulti tidak mencapai peratus kebolehpasaran graduan kerana mempunyai satu program baharu yang masih belum terkenal. iv. Memaklumkan bahawa jumlah sebenar bagi faktor impak dan CIJ menghampiri sasaran. v. Memaklumkan bahawa penjana pendapatan bagi geran penyelidikan masih	Makluman

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	kekurangan bagi dana antarabangsa. Walau bagaimanapun, fakulti dalam usaha untuk meningkatkan jumlah geran penyelidikan antarabangsa. Fakulti Ekologi Manusia Dekan: - Memaklumkan bahawa fakulti akan memperkasakan lagi pengambilan pelajar antarabangsa pada peringkat bachelior - maklumkan bahawa geran penyelidikan berjumlah RM350,000 dimasukkan ke dalam fakulti manakala pendapatan lain selain geran penyelidikan dimasukkan ke dalam Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat). Fakulti Perhutanan Dekan: - Memaklumkan peratus kemasukan pelajar baharu program bachelior dengan CGPA 3.5 ke atas boleh dicapai pada tahun 2012 dengan meningkatkan pelajar lepasan diploma daripada institusi lain selain daripada politeknik. - Memaklumkan bahawa pelajar antarabangsa yang ditawarkan untuk mengikuti program bachelior di fakulti menarik diri disebabkan perubahan semester kepada bulan September pada tahun 2011. - Walaupun bagaimanapun bersetuju untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa dengan meningkatkan jaringan dengan komuniti Asia Pasifik melalui Asia Pacific Forestry Net. - Memaklumkan masalah pelajar yang tidak dapat menghadiri temuduga yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam disebabkan transkrip dan ijazah rasmi hanya diperolehi selepas majlis konvokesyen. - Meminta supaya Pusat Penempatan Kerjaya mengambil tindakan berkaitan perkara tersebut supaya peratus kebolehpasaran graduan boleh ditingkatkan. - Bersetuju supaya fakulti mengadakan bengkel untuk meningkatkan penerbitan. - Memaklumkan bahawa geran penyelidikan yang dilaporkan adalah tidak termasuk RUGS. Fakulti juga menjangkakan peningkatan jumlah geran penyelidikan pada tahun 2012.	Makluman Makluman/ Tindakan: Dekan Fakulti Perhutanan
	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPMKB) Dekan: - Memaklumkan bahawa untuk meningkatkan peratus kemasukan pelajar baharu program bachelior dengan CGPA 3.5 ke atas, Fakulti akan memanggil pelajar tahun akhir program diploma di UPMKB untuk mengenalpasti kecenderungan pilihan tempat untuk menyambung pengajian. - Memaklumkan bahawa Fakulti tidak mencapai sasaran bagi bilangan pelajar antarabangsa di peringkat bachelior. Sehingga kini Fakulti telah menerima permohonan untuk program diploma sahaja. - Memaklumkan bahawa Fakulti belum melahirkan graduan PhD memandangkan pelajar PhD di Fakulti memulakan pengajian pada sesi 2008/2009. - Memaklumkan Fakulti memperoleh 23 faktor impak dan 50 CIJ bagi tahun 2012. Selain itu Fakulti juga telah menerbitkan 7 buah buku 7, chapter in book ade 8 dll non cij - Mamaklumkan juga bahawa terdapat geran penyelidikan yang masih dalam proses seperti E-Science Fund yang berjumlah RM300,000. - Meminta supaya pengiraan bagi KPI geran penyelidikan setiap staf iaitu 3.4/staf dilihat semula memandangkan Fakulti tidak mempunyai professor.	Makluman/ Tindakan: Dekan FSPM Tindakan: TNC (P&I)

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Dekan: - Memaklumkan bahawa aktiviti promosi akan dimantapkan lagi untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di peringkat bachelor. - Memaklumkan bahawa peratus pelajar PhD yang bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan akan berubag dengan perubahan program struktur A. - Memaklumkan bahawa budaya staf fakulti adalah lebih menumpukan kepada penerbitan buku dan bab dalam buku. Fakulti Pengajian Pendidikan Dekan - Memaklumkan bahawa Fakulti akan mempromosikan program TESL dan PJ ke negara-negara ASEAN. - Memaklumkan bahawa Fakulti akan bekerjasama pihak UPM International Sdn. Bhd. untuk mempromosikan program. - Memaklumkan bahawa nisbah staf kepada pelajar siswazah adalah terlalu tinggi iaitu 1:29 (800 pelajar PhD dan 50 staf). - Memaklumkan sasaran asal Fakulti bagi faktor impak adalah 20. - Memaklumkan bahawa Fakulti telah memperoleh CIJ berjumlah 128 (data pada 6 Jan 2012). Melalui 4 bengkel penulisan yang telah dijalankan, 30 artikel akan diterbitkan.	Makluman Makluman/ Tindakan : Dekan, FPP
	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Dekan: - Memaklumkan bahawa Fakulti telah mengenalpasti inisiatif untuk meningkatkan peratus kemasukan pelajar bachelor dengan CGPA 3.5 ke atas. Di antara inisiatif yang telah dikenalpasti adalah menawarkan kepada pelajar lepasan diploma yang cemerlang, mengadakan jaringan dengan sekolah-sekolah di sekitar lembah Klang dan pusat matrikulasi. - Memaklumkan bahawa Fakulti masih lagi menerima permohonan daripada pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di peringkat prasiswazah. - Memaklumkan bahawa Fakulti telah membuat rundingan sasaran faktor impak kepada 20 faktor impak pada tahun 2011. Memandangkan Fakulti tidak mencapai impak faktor yang ditetapkan, Fakulti akan menggantikan dengan hak cipta perisian. - Memaklumkan bahawa pencapaian bagi penajaan geran akan dipertingkatkan bagi tahun 2012. Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Dekan : - Memaklumkan bahawa Fakulti tidak mencapai sasaran bilangan pelajar antarabangsa di peringkat bachelor dan telah menyediakan brosur untuk tujuan promosi pada tahun 2012. - Memaklumkan bahawa pelajar yang menghantar tesis melebihi daripada 12 orang. Walau bagaimanapun pelajar tidak dapat bergraduasi disebabkan laporan daripada pemeriksa tidak dapat diperolehi dengan cepat. Ini disebabkan oleh bayaran pemeriksa yang rendah di UPM.	Makluman/ Tindakan : Dekan, FSKTM Makluman

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	iii. Mencadangkan supaya bayaran untuk pemeriksa tesis ditambahbaik supaya pelajar dapat bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya. iv. Memaklumkan bahawa Fakulti akan berusaha meningkatkan kebolehpasaran graduan pada tahun 2012. Kekeliruan majikan yang berpotensi terhadap graduan program Bachelor Sains (Pengajian Makanan) telah diatasi dengan proses semakan kurikulum yang telah dijalankan pada tahun 2011 v. Memaklumkan bahawa sasaran bagi impak faktor sebanyak 250 adalah tinggi dengan jumlah staf akademik seramai 34 orang. Fakulti telah memperolehi 223.265 impak faktor pada tahun 2011 iaitu 7 faktor impak bagi setiap staf. vi. Memaklumkan bahawa penajaan pendapatan fakulti melalui geran penyelidikan berjumlah RM1.64 juta pada tahun 2011. Walau bagaimanapun Fakulti telah memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM5.4 juta pada tahun 2010. vii. Memaklumkan secara keseluruhannya pencapaian adalah memuaskan pada tahun 2011. Selain faktor perpindahan 3 pensyarah Fakulti ke agensi/PTJ lain, perkhidmatan yang menghampiri tempoh persaraan bagi sesetengah pensyarah juga telah mempengaruhi pencapaian Fakulti. Pencapaian pensyarah-pensyarah baharu juga belum mencapai tahap 10 pensyarah yang lebih berpengalaman.	Tindakan : TNC (A&A) Makluman Makluman Makluman
	Fakulti Rekabentuk dan Senibina Dekan : i. Memaklumkan bahawa Fakulti tidak dapat mencapai sasaran peratus kemasukan pelajar baharu dengan PNGK 3.5 ke atas disebabkan Fakulti membuat pemilihan pelajar baharu berdasarkan sesi temuduga bermula tahun 2010. Justeru sasaran 40% bagi FRSB perlu dilihat semula. ii. Memaklumkan bahawa Fakulti akan memperbaiki pencapaian bagi peratus graduan PhD yang menamatkan pengajian dalam tempoh 4 tahun pada tahun 2012. Kebanyakan graduan yang menamatkan pengajian melebihi 4 tahun adalah pelajar lama berbanding kebanyakan pelajar baharu yang menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. iii. Memaklumkan bahawa sasaran sebanyak 20 bagi impak faktor adalah terlalu tinggi dan Fakulti telah memohon supaya sasaran diturunkan kepada 5. Pencapaian Fakulti pada tahun 2011 sebanyak 9.4 impak faktor melebihi sasaran 5 faktor impak yang diletakkan oleh Fakulti. iv. Memaklumkan bahawa pencapaian sebanyak 13 CIJ adalah berdasarkan scopus sahaja. Walau bagaimanapun CIJ Fakulti dalam indeks alternatif telah melebihi sasaran 66 yang telah ditetapkan. v. Memaklumkan bahawa Fakulti telah meningkatkan fokus dan menggariskan strategi untuk meningkatkan pencapaian bagi penajaan pendapatan melalui geran penyelidikan pada tahun 2012. vi. Mengambil perhatian berkenaan ketidakadilan dalam pengiraan Lecturer Effort Hours (LEH) bagi FRSB. Jumlah masa pengajaran di studio bagi 19 orang pensyarah di FRSB adalah melebihi 80% berbanding 50% bagi pensyarah di Fakulti lain. Oleh yang demikian, pensyarah kekurangan masa untuk menjalankan penyelidikan dan meningkatkan penerbitan. Walau bagaimanapun Fakulti sedang menjalankan proses pengambilan pensyarah berdasarkan keperluan nisbah pelajar dan pensyarah dengan kekurangan seramai 19 orang pensyarah.	Makluman/ Tindakan : Dekan, FRSB

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Dekan : - Memaklumkan bahawa fakulti mementingkan kualiti pelajar yang diambil dan akan meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa di peringkat bacelor terutama dari rantau Asia. - Memaklumkan bahawa fakulti akan memohon kerjasama daripada UPM International berhubung perkara tersebut. - Memaklumkan bahawa pelajar PhD tempatan perlu diberi motivasi dan galakan untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. - Memaklumkan bahawa hanya 20 daripada 106 staf akademik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam penerbitan. Pengambilan tutor dan pensyarah perlu disaring dengan lebih ketat sewaktu proses pemilihan. - Memaklumkan bahawa fakulti akan menggalakkan staf supaya lebih agresif untuk meningkatkan penajaan geran penyelidikan. - Meminta supaya melihat asas bidang sains sosial untuk meletakkan sasaran bilangan faktor impak dan CIJ. - Menarik perhatian berhubung isu staf yang tidak melaporkan penajaan pendapatan daripada sumber luar.	Makluman/ Tindakan : Dekan, FRSB Tindakan : TNC (P&I)
	Fakulti Pertanian Dekan: - Memaklumkan bahawa fakulti akan bekerjasama dengan pihak UPM International untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di peringkat bacelor. Walau bagaimanapun, promosi melalui alumni dan pengiklanan melalui mulut ke mulut juga boleh menjadi medium yang efektif. - Memaklumkan bahawa peratus kebolehan pasaran graduan menurun disebabkan terdapat dua program baharu yang baru bergraduat pada tahun 2011 iaitu Bacelor Pertanian Akuakultur dan Bacelor Pertanian Sains Haiwan - Mencadangkan supaya Fakulti diberi pilihan untuk memilih di antara faktor impak atau CIJ. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Dekan : - Memaklumkan bahawa fakulti akan menaiktaraf laman web untuk tujuan promosi program, mengedarkan risalah program ke luar negara, dan bekerjasama dengan UPM International dan Bahagian Komunikasi Korporat untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di peringkat bacelor. - Memaklumkan bahawa fakulti telah mengenalpasti punca pelajar PhD yang menamatkan pengajian melebihi 4 tahun. Kebanyakan daripada mereka adalah pelajar tempatan yang terlalu selesa dan tidak mempunyai tekanan untuk menamatkan pengajian dengan cepat. - Memaklumkan bahawa Fakulti akan meningkatkan usaha untuk mendapatkan lebih banyak geran penyelidikan.	Makluman/ Tindakan : Dekan, Fakulti Pertanian Makluman/ Tindakan : Dekan, Fakulti Pertanian

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul Dekan memaklumkan hanya 25% sahaja pelajar PhD dapat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Ini disebabkan oleh bilangan pelajar yang ramai perlu diselia oleh setiap pensyarah fakulti. Terdapat juga keperluan untuk menerbitkan jurnal bagi pelajar yang mendapat GRF. Selain itu, kekangan alatan juga menjadi salah satu faktor kelewatan penyelidikan dijalankan dimana pelajar perlu menunggu giliran yang terlalu lama untuk menggunakan alatan tersebut. Fakulti Kejuruteraan Dekan : - Memaklumkan bahawa sasaran 160 pelajar antarabangsa di peringkat bachelor adalah berdasarkan enrolmen. Fakulti akan meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di peringkat pada tahun 2012 terutama dari kuwait, oman dan iraq. - Memaklumkan bahawa fakulti juga menghadapi isu yang sama seperti Fakulti lain bagi pelajar PhD tempatan yang tidak dapat menamatkan pengajian dalam tempoh 4 tahun.	Makluman Makluman/ Tindakan : Dekan, FK

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	Rumusan Pencapaian Fakulti oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor /Peneraju: Y.Bhg. Dato' Naib Canselor: - meminta supaya fakulti menetapkan sasaran yang mencabar dan bersesuaian (<i>achievable</i>) bagi tahun 2012. - meminta fakulti mengambil perhatian berkenaan jumlah pensyarah kontrak dan pensyarah yang akan bersara supaya prestasi fakulti dapat ditingkatkan. - meminta supaya Fakulti Ekologi Manusia meningkatkan bilangan CIJ memandangkan bilangan faktor impak telah dikurangkan. - menekankan bahawa FACE merupakan salah satu makmal untuk pembangunan kanak-kanak. FACE merupakan agensi yang bertanggungjawab membangunkan program dan kurikulum untuk PERMATA negara. - mencadangkan supaya FACE ditonjolkan dan dijenamakan dengan lebih berkesan supaya sesuai dengan peranan yang besar serta impak secara langsung kepada negara. Penonjolan dan penjenamaan FACE juga secara tidak langsung boleh mempromosikan Fakulti Ekologi Manusia. - meminta supaya staf FACE menekankan aktiviti penyelidikan selain memainkan peranan untuk pendidikan awal kanak-kanak. - mencadangkan supaya FACE dinaiktaraf kepada HiCOE dan setaraf dan membida peruntukan untuk HiCOE. Walaubagaimanapun markah FACE belum mencapai tahap HiCOE. - Mencadangkan supaya transkrip penuh dan ijazah rasmi diberikan selepas pengesahan pada Mesyuarat Senat. Dengan ini pelajar tidak perlu menunggu selepas majlis konvokesyen untuk mendapat pekerjaan di agensi kerajaan. - Meminta supaya cadangan tersebut dimajukan kepada Senat untuk pertimbangan. - Memaklumkan bahawa agenda untuk menaiktaraf UPMKB kepada status Kolej Universiti akan menukar imej UPMKB kepada Kolej Universiti berautonomi. Walau bagaimanapun, bilangan kitangan akademik dari kalangan Professor dan Profesor Madya diperlukan untuk menyokong sasaran untuk menjadi Kolej Universiti. - Meminta supaya Fakulti Pengajian Pendidikan memberi penumpuan kepada penerbitan buku dan bab dalam buku. - Memaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi telah memberi makluman bahawa tiada pengambilan bagi bachelord pendidikan pada sesi akan datang. - Meminta supaya bakal pelajar pada masa akan datang dimaklumkan bahawa program Bachelord Pengajian Pendidikan merupakan program terbuka dan tidak menjanjikan jawatan guru kepada graduan. - Memaklumkan bahawa Fakulti Pengajian Pendidikan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi program prasiswazah daripada Teachers Accreditation Council yang membolehkan pelajar antarabangsa bekerja di negara masing-masing. - Menarik perhatian berkenaan cabaran mengekalkan staf akademik cemerlang terutama dengan pelaksanaan SBPA yang membolehkan pegawai berpindah ke agensi lain dengan 'pelepasan tanpa izin'. - Memaklumkan bahawa PTJ boleh menggunakan simpanan dalaman Universiti untuk aktiviti/projek berimpak tinggi yang boleh melonjakkan pencapaian Universiti. - Memaklumkan bahawa universiti boleh meningkatkan simpanan dalaman untuk projek-projek berimpak tinggi dengan pelbagai kaedah penjimatan.	Tindakan : Semua Fakulti Tindakan : Dekan FEM Tindakan : Dekan FEM Tindakan : Ketua Pentadbiran Prasiswazah Makluman/ Tindakan : Dekan FSPM Makluman/ Tindakan : Dekan FPP Makluman
	- Meminta supaya pihak PPPA mengambil perhatian berkenaan penggunaan elektrik pada masa puncak yang telah menelan belanja yang sangat tinggi dan merugikan Universiti. - Meminta supaya jadual waktu kuliah disusun sama rata termasuk pada waktu selain waktu puncak untuk mengurangkan penggunaan elektrik pada	Tindakan : Pengarah PPPA Tindakan : Ketua Pentadbiran

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	waktu tersebut. xx. Meminta supaya pengiraan LEH mengambilkira juga sistem pengajaran seperti di FRSB dan FPSK. xxi. Menegaskan bahawa staf perlu melaporkan/ mengishtiharkan semua bentuk pendapatan daripada sumber luar yang diterima. xxii. Mencadangkan supaya Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul membuat bidaan untuk mendapatkan peruntukan bagi mengatasi masalah kekangan alatan penyelidikan. xxiii. Memaklumkan bahawa Universiti juga memerlukan kepelbagaian negara bagi pelajar antarabangsa. xxiv. Memaklumkan bahawa sasaran 160 pelajar antarabangsa di peringkat bachelors bagi Fakulti Kejuruteraan adalah berdasarkan pengambilan dan bukan enrolmen. Peletakan sasaran adalah berdasarkan pengambilan pelajar antarabangsa secara majoriti bagi program Bachelors Kejuruteraan Aeroangkasa dan 15 pelajar bagi setiap program lain. Pengarah Pusat Penempatan Kerjaya turut memaklumkan bahawa pihak SPA telah menetapkan supaya transkrip penuh dan ijazah rasmi perlu diperolehi untuk menghadiri temuduga. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) turut memaklumkan bahawa MyRA II telah menetapkan KPI 20% pelajar PhD menamatkan pengajian dalam tempoh 7 semester. Justeru, program PhD Struktur A akan menjadi mekanisme untuk mencapai KPI tersebut. <u>Pencapaian Prestasi Institut</u> Y. Bhg. Dato' Naib Canselor mengambil maklum dan menyatakan bahawa sasaran perlu ditetapkan oleh setiap institut memandangkan tiada sasaran dinyatakan untuk KPI penyelidikan. TNCPI: - memaklumkan bahawa kerjasama erat antara Institut dan Fakulti perlu ada memandangkan jumlah sasaran universiti hanya diagihkan kepada fakulti. Ini kerana pencapaian Institut turut diambilkira oleh Fakulti. - memaklumkan bahawa KPI Institut diukur melalui kemampuan untuk memperoleh penganugerahan HiCOE. Institut perlu mengetahui tahap pencapaian semasa dan berusaha untuk menambah sebanyak 20% sasaran pencapaian untuk mencapai status HiCOE. - turut memaklumkan bahawa penempatan ekosistem baharu dimana staf ditempatkan sepenuhnya di Institut akan bermula pada 2012.	Prasiswazah Tindakan : TNC (P&I) Tindakan : Semua Staf Tindakan: Dekan FBSB Makluman Tindakan : Dekan FK Makluman Makluman Makluman
	ITA Pengarah: - mencadangkan agar pencapaian Institut diukur berdasarkan kedua-dua instrumen iaitu MyRA dan HiCOE berdasarkan staf. - memaklumkan pencapaian penerbitan Faktor Impak berdasarkan HiCOE iaitu 4 per staf, dan pencapaian penerbitan CIJ iaitu 3.81. - memaklumkan sasaran penjanaan pendapatan melebihi sasaran yang	Makluman

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	ditetapkan HiCOE iaitu RM366 ribu/staf. KPI Penjanaaan Pendapatan HiCOE ialah RM100ribu/staf (dengan pengiraan geran RM60 ribu geran awam, RM20 ribu geran antarabangsa dan RM20 ribu geran industri).	
	INSPERM Pengarah: i. memaklumkan sasaran KPI 2011 adalah sebanyak peningkatan 20% berasaskan pencapaian 2010. ii. memaklumkan pencapaian penerbitan Faktor Impak, CIJ dan penjanaaan pendapatan (RM1.053 juta) yang telah melebihi sasaran yang ditetapkan HiCOE, dan telah layak untuk permohonan status HiCOE mengikut perkiraan Institut. IBS Pengarah: i. memaklumkan kepentingan untuk mencapai HiCOE dan keadaan dimana sumber geran antarabangsa dan industri dalam bidang biosains terhad. ii. memaklumkan pencapaian penerbitan Faktor Impak dan CIJ yang melebihi sasaran disebabkan mempunyai 54 tenaga penyelidik (associate researcher) termasuk 10 felo penyelidik dengan kadar 4.3 pelajar pasca siswazah/ staf. iii. turut memaklumkan bahawa PTJ mempunyai dana kebangsaan RM3 juta untuk pembangunan vaksin haiwan dan terapeutik termasuk penyelidikan dan bahan lab. iv. memaklumkan pembangunan dan perkembangan lima lab yang boleh turut mendapat status HiCOE kategori lab dan aktiviti pengstrukturkan semula bagi mengekalkan ekosistem yang kekal. IG Pengarah: i. memaklumkan ketidakcapaian penerbitan Faktor Impak dan CIJ dan menyatakan keperluan staf di PTJ bagi mencapai sasaran 2012 (35 IF) dan 2013 (100 IF). ii. turut memaklumkan bahawa PTJ akan memperolehi 4 geran antarabangsa termasuk geran Citibank (yang akan diagihkan selama empat tahun). iii. memaklumkan pemarkahan HiCOE PTJ iaitu mencapai 66% (Bahagian A-H) dengan memperolehi 44.6% (Bahagian A-C).	Makluman Makluman Makluman
	IKDPM Pengarah: i. memaklumkan ketiadaan penetapan sasaran penerbitan Faktor Impak, CIJ dan Penjanaaan Pendapatan bagi 2011. ii. memaklumkan bilangan penerbitan Faktor Impak yang rendah kerana penyelidik tempatan di PTJ terlibat dengan projek Unit Perancangan Ekonomi yang sudah 80% selesai. Turut memaklumkan sasaran penerbitan 2012 iaitu 20 penerbitan journal, buku, manual dan sistem aplikasi simulasi dan unjuran. iii. memaklumkan bilangan penerbitan CIJ yang diperolehi adalah disebabkan pengukuran MyRA dan HiCOE penyelidikan berbeza yang memberi kesan kepada pemarkahan yang rendah. Ini adalah kerana hasil PTJ memberi	Makluman

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	impak besar kepada pembentukan dasar negara. iv. memaklumkan penjana pendapatan iaitu RM262 ribu/ staf dimana hampir 70% geran merupakan geran kerajaan yang telah menjana RM6 juta bagi Universiti sepanjang lima tahun. v. memaklumkan bahawa kertas cadangan pembentukan KPI bagi Fakulti yang berteraskan Sains Sosial telah dimajukan kepada KPT.	
	Rumusan Pencapaian Institut oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor /Peneraju: Y. Bhg. Dato' Naib Canselor: - meminta agar Institut mencapai dan menepati keperluan HiCOE kategori penyelidikan, dan mulai 2012 HiCOE kategori perkhidmatan akan turut diambilkira. - memaklumkan bahawa Institut yang diiktiraf HiCOE akan memperolehi bajet pengurusan RM3 juta. - memaklumkan bahawa Universiti turut dalam proses permohonan sumbangan penyetaraan daripada KPT bagi <i>equivalent</i>-HiCOE kategori Top Business School. - meminta TNCPI untuk menilai Institut yang tidak mengambil peluang dalam penilaian HiCOE dan kebarangkalian untuk dipindahkan semula ke Fakulti sekiranya tiada keperluan melibatkan pembangunan strategik Universiti. - meminta TNCPI mengambil tindakan yang sewajarnya untuk pengstrukturkan ekosistem PTJ pada 2012. - menyatakan keperluan agar setiap PTJ mempunyai pemimpin pelapis untuk masa hadapan. - meminta agar TNCPI dan TNCJIM berbincang dengan KPT mengenai cadangan pembentukan instrumen HiCOE kategori perkhidmatan kerana laporan penyelidikan IKDPM memberi impak yang signifikan terhadap masyarakat (yang turut diukur dalam MyRA II 2012) - menyatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh setiap Peneraju dan kepentingan PTJ menjadi kayu ukur berasaskan SKT dan telah dihebahkan secara sistematik. TNCPI turut: - mengambil maklum kesukaran untuk memperolehi dana penyelidikan daripada agensi antarabangsa . - memaklumkan Institut perlu mencapai keperluan penilaian status HiCOE dengan memperolehi sekurang-kurangnya 65% dengan syarat 45% di Bahagian A-C bagi mendapat status HiCOE. - mengumumkan ITA, Halal, INTROP dan INSPERM melebihi sasaran 45% namun tempoh operasi sehingga 2011 dikira belum matang, dan hanya akan memohon pengiktirafan pada 2012.	Tindakan: Semua Institut Tindakan: TNC(PI)/ TNC(JIM) Tindakan: Peneraju Makluman
6	<u>PEMBENTANGAN CADANGAN SASARAN 2012 OLEH PENERAJU</u> <u>Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)</u> <u>Markah SETARA</u> - Penetapan sasaran 2012 adalah 85%, iaitu peningkatan daripada sasaran 2011 (82%). <u>My3S (BI)</u> - Penetapan sasaran 2012 adalah 88% (2011: 85%) dengan mengambilkira keberkesanan tindakan pembetulan yang bakal dilaksanakan oleh FBMK melalui TOCIE dan Muet Band 4 bagi para pelajar. - Bagi pelajar tahun akhir, tindakan pembetulan dilakukan pada semester satu.	Tindakan: FBMK

15

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	ii. Penetapan sasaran adalah berdasarkan keperluan MyRA dan dengan kapasiti yang boleh dicapai oleh UPM. Asas pengukuran yang akan digunakan adalah berdasarkan kepada instrumen MyRA dan MyRA II. <u>Pengkomersilan Produk</u> i. Penetapan sasaran 2012 dikemaskini kepada enam penambahan produk. ii. Antara jangkaan produk yang boleh meningkatkan bilangan pengkomersilan adalah <i>software</i> dan <i>industrial design</i> yang boleh menjana pendapatan Universiti. iii. Mohon kerjasama UPM Holdings Sdn Bhd dalam menjayakan pengkomersilan produk. <u>Tech-Know How</u> i. Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada penambahan 12 produk. ii. Sasaran ini akan dirunding dengan fakulti yang telah dikenalpasti. <u>Faktor Impak</u> i. Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada 2300. ii. Keperluan faktor impak bagi instrumen MyRA II adalah 3000. <u>CIJ</u> i. Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada 2700. ii. Keperluan CIJ bagi instrumen MyRA II adalah 5000. <u>Inovasi</u> i. Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan ke 225. Sasaran akan tertumpu kepada peningkatan hakcipta dan pelaksanaan penilaian IP yang lebih ketat. ii. Keperluan inovasi bagi instrumen MyRA II adalah 225. <u>Impak</u> i. KPI ini akan diterajui oleh TNCJIM mulai 2012 memandangkan instrumen MyRA II (Bahagian G) lebih berkait rapat dengan fungsi KPI TNCJIM. <u>Penjanaan Pendapatan</u> i. Penetapan sasaran 2012 dikekalkan pada RM100 juta. ii. Pelaporan pencapaian 2011 sehingga kini adalah RM73.4 juta, namun kemungkinan akan melebihi sasaran memandangkan terdapat penambahan pelaporan daripada PTJ dan data sekunder daripada UPM Holdings. <u>Perkongasian Instrumen MyRA II</u> TNCPI turut melaporkan perkongsian tanggungjawab dalam pelaksanaan MyRA II. Rujuk di lampiran B. <u>Perkongasian Pencapaian PTJ</u> TNCPI turut memaklumkan pencapaian PTJ berdasarkan nisbah staf iaitu: i. Penjanaan Pendapatan melalui geran penyelidikan adalah tinggi bagi FBSB, ITA dan IKDPM. ii. Penerbitan CIJ yang tinggi bagi PTJ adalah FBSB, FSTM, FS, FK, FPV, INTROP, ITA, IBS, HALAL, INSPEM dan ITMA. iii. Penerbitan Faktor Impak yang tinggi bagi PTJ adalah HALAL, INTROP, ITA, INSPEM, ITMA DAN ITA, dimana IBS, FSTM mencapai tahap maksimum. Pencapaian FS turut melonjak melebihi FK. <u>TNCPI:</u> i. Menyatakan bahawa lima buah institut boleh memohon pengiktirafan HiCOE berdasarkan pencapaian pengiraan MyRA ini. ii. Memaklumkan bahawa instrumen MyRA II lebih berfokuskan kepada <i>rating</i> yang dibuat berdasarkan sasaran yang realistik. UPM secara strategik	Tindakan: UPM Holdings Tindakan: Fakulti Berkenaan Tindakan: TNC (JIM) Tindakan: Fakulti/ Institut/ UPM Holdings

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	boleh mencapai sasaran IF, CIJ atau Inovasi (yang lebih memberi wajaran yang tinggi).	
	<u>Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</u> <u>Kebolehpasaran Graduan</u> - Mengikut operasi definasi asal (pelajar menunggu penempatan tidak diambilkira), UPM tidak mencapai sasaran (78%) yang ditetapkan iaitu 75.6%. - Mengikut operasi definasi baru (dengan mengambilkira pelajar menunggu penempatan), UPM berjaya mencapai 83.3%. - Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada 85% berdasarkan operasi definasi baru. <u>Kajian Kepuasan Pelanggan</u> - Penetapan sasaran 2012 adalah pada 70%. - Ketidakcapaian KPI ini adalah berkaitan dengan kemudahan jalur lebar dan kursus kokurikulum berkredit QKP. <u>My3S</u> - Universiti turut melaksanakan kajian soal selidik My3S KPT, namun menghadapi kekurangan kemudahan untuk melaksanakan bagi kesemua pelajar kampus, di samping masalah pengiraan dan penilaian. - Penetapan sasaran 2012 adalah seperti di bawah: - My3S – Overall GSA ditingkatkan kepada 95% - Leadership Skills – dikekalkan pada 95% - Team Skills – ditingkatkan kepada 95% - Entrepreneurship – ditingkatkan kepada 75% - Ethics and Moral – ditingkatkan kepada 95% - LifeLong Learning – ditingkatkan kepada 97% - Critical Thinking Problem Solving – ditingkatkan kepada 85% <u>Penjanaan Pendapatan</u> - Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada RM10 juta. Y.Bhg. Dato' Naib Canselor: - memaklumkan bahawa KPI TNCHEPA turut disumbang oleh beberapa komponen lain seperti kehidupan pelajar di kampus, program kokurikulum berkredit dan penglibatan pelajar di dalam aktiviti kampus. - meminta agar pelajar turut dilibatkan dalam proses pembuatan keputusan bagi kemudahan atau aktiviti berasaskan pelajar untuk memupuk semangat kekitaan terhadap kampus (cth: perkhidmatan jalur lebar berbayar). - mencadangkan sasaran penjanaan pendapatan ditingkatkan ke RM12 juta, dimana 80% terdiri daripada Alumni Putra dan 20-35% terdiri daripada Alumni Pertanian.	Tindakan: CPC Tindakan: IDEC/ CeiSED Tindakan: TNC (HEPA)/ Pusat Alumni
	<u>Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)</u> <u>Industry Penetration</u> - Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada 25%. - KPI ini akan memfokuskan kepada tahap penglibatan jaringan industri (depth of the linkages) yang akan dinilai dengan <i>rating</i> dengan mengambilkira sumbangan industri dalam peningkatan kadar kebolehpasaran graduan dan bilangan pertukaran staf/ pelajar dengan industri <u>Community Penetration</u> - Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada 25%.	

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	ii. KPI ini akan diberi definisi baru dengan pengenaltastian 136 daerah di Malaysia dengan sasaran melibatkan 34 daerah (25%) daripada tujuh bidang kluster yang telah dikenaltasti berdasarkan komuniti strategik UPM. <u>Kajian Kepuasan Majikan</u> i. Penetapan sasaran 2012 dikekalkan pada 12. ii. Bilangan sampel akan ditingkatkan pada tahun 2012. <u>Penijanaan Pendapatan</u> i. Penetapan sasaran 2012 ditingkatkan kepada RM60 juta dengan mengambilkira penukaran KPI peneraju berkaitan program FACE, Bahagian G MyRA II dan perkhidmatan perundingan (oleh UPM Holdings Sdn Bhd). Y. Bhg. Dato' Naib Canselor: i. mencadangkan keperluan <i>rating</i> bagi jaringan industri ii. meminta TNCJIM memberi perhatian kepada cadangan pihak IG yang mengesyorkan agar pihak universiti mendedahkan pelajar ke industri melalui kurikulum pembelajaran-perkhidmatan (<i>service-learning</i>) yang dapat membantu kebolehpasaran graduan dan penijanaan pendapatan. <i>Service-learning</i> adalah dimaksudkan dengan pendedahan latihan industri oleh pelajar, pengaplikasian kurikulum dalam industri atau komuniti, menilai kembali pengalaman, dan membuat penyelidikan atas permasalahan yang timbul. Pihak APEEC boleh memberi fokus kepada cadangan ini dan boleh dijadikan bukti kajian.	Tindakan: TNC (JIM)/ APEEC
	<u>Pendaftar</u> Wakil Pendaftar memaklumkan bahawa bengkel pencapaian KPI Pendaftar 2011 dan penetapan sasaran 2012 akan diadakan pada 28 Januari 2012. <u>Talent Management (Credible-outcome based)</u> i. Ketidaccapaian KPI adalah disebabkan oleh kaedah pengukuran penaksiran kecemerlangan berdasarkan prestasi yang masih belum dibentuk bagi kumpulan P&P dan kumpulan pelaksana. ii. Bagi kumpulan akademik, kaedah penaksiran ini dapat dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Februari selepas data KMportal diverifikasi pada bulan Januari 2012. iii. Bagi kumpulan P&P, kaedah penaksiran ini dijangka siap pada Q2. iv. Bagi kumpulan pelaksana, kaedah penaksiran ini dijangka siap pada Q4. v. Terdapat elemen baharu yang dinilai didalam borang LNPT 2012 iaitu kreativiti dan inovasi. <u>Talent Management (Academic staff with PhD)</u> i. Penetapan sasaran dikekalkan pada 80%. ii. Sehingga kini, seramai 15 pegawai akademik telah meletakkan jawatan dan dilepaskan dengan izin dan dijangkakan pada 2012, seramai 158 tutor akan kembali selepas menamatkan pengajian dan pihak universiti perlu bersedia dengan inisiatif untuk mengekalkan staf terutamanya dengan adanya kaedah penilaian SBPA dan kemudahan <i>exit policy</i>. <u>Talent Management (Non-Academic staff with higher qualification)</u> i. KPI ini sudah tidak relevan. <u>Talent Management (Non-Academic staff with multitasking ability)</u> i. KPI ini akan dibincangkan pada Bengkel KPI Pendaftar yang akan diadakan pada 28 Jan 2011. ii. Y. Bhg. Dato' Naib Canselor meminta agar kajian terhadap senario semasa, pengenaltastian sasaran dan penanda aras yang akan diukur	Tindakan: Pendaftar

[illegible]

BIL	PERKARA	TINDAKAN / MAKLUMAN
	ii. Penetapan sasaran 2012 adalah pada 5% kerana harga muat turun data berkait rapat dengan nilai tukaran matawang asing dan peningkatan yuran tahunan pangkalan data. <u>% of required titles in the collection</u> i. Mempunyai senarai bahan bacaan pegawai akademik yang diperolehi dari 10 fakulti. ii. Sedang membentuk pangkalan data untuk menyemak bahan. iii. Menggalakkan untuk turut memasukkan bahan bacaan <i>online</i> di dalam senarai ini.	
6	<u>Rumusan Keseluruhan oleh Y. Bhg Dato' Naib Canselor</u> Y. Bhg Dato' Naib Canselor: i. Memaklumkan pencapaian secara keseluruhan adalah baik, dan KPI baharu yang dipersetujui akan disemak dan dimurnikan oleh setiap Peneraju bersama PTJ. KPI baharu ini akan dilaporkan di dalam SKT yang perlu dimurnikan pada bulan Januari 2012. ii. Memaklumkan tumpuan sepenuhnya kepada asas pendidikan adalah lebih penting yang akan diketahui melalui penarafan. iii. Meminta TNCPI untuk mengenalpasti KPI bagi agensi-agensi pusat seperti IDEC dan PPPA.	Tindakan: TNC (PI)

**SENARAI KEHADIRAN BENGKEL PENILAIAN
PENCAPAIAN KPI SUKU KEEMPAT 2011
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 9 Januari 2012 (Isnin)
 Masa : 8.30 pagi
 Tempat : Hotel Marriott, Putrajaya

Senarai Kehadiran

BIL.	NAMA	JAWATAN / PTJ	STATUS
1.	Dato' Dr. Ir. Radin umar Radin Sohadi	Naib Canselor	HADIR
2.	Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris	TNC (A&A)	HADIR
3.	Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Salleh Jaafar	TNC (P&I)	HADIR
4.	Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Hj. Ramlan	TNC (HEPA)	HADIR
5.	Prof. Dr. Tai Shzee Yew	TNC (JIM)	HADIR
6.	Dato' Wan Azman Wan Omar	Pendaftar	TIDAK HADIR
7.	En. Zulkiflee Othman	Bendahari	HADIR
8.	En. Amir Hussein Mohd Ishak	Ketua Pustakawan	HADIR
9.	Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman	Penasihat Undang-Undang	HADIR
10.	Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin	Dekan FP	HADIR
11.	Prof. Datin Dr. Faridah Hanum Ibrahim	Dekan FH	HADIR
12.	Prof. Madya Datuk Dr. Bashir Ahmad Fateh Mohamed	Dekan FPV	HADIR

13.	Prof. Dr. Shamsheer Mohamed Ramadili	Dekan FEP	HADIR
14.	Prof. Dr. Fakhru'l Razi Ahmadun	Dekan FK	HADIR
15.	Prof. Dr. Ab. Rahim Bakar	Dekan FPP	TIDAK HADIR
16.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Talib	Dekan FS	HADIR
17.	Prof. Dr. Mohd Yazid Abdul Manap	Dekan FSTM	HADIR
18.	Prof. Madya Dr. Zaid Ahmad	Dekan FEM	HADIR
19.	Prof. Madya Dr. Mua'ti @ Zamberi Ahmad	Dekan FBMK	HADIR
20.	Prof. Dr. Rahinah Ibrahim	Dekan FRSB	HADIR
21.	Prof Dr. Norlijah Othman	Dekan FPSK	HADIR
22.	Prof. Madya Dr. Ramlan Mahmod	Dekan FSKTM	HADIR
23.	Prof. Dr. Mohd Ali Hassan	Dekan FBSB	HADIR
24.	Prof. Madya Dr. Ramdzani Abdullah	Dekan FPAS	HADIR
25.	Prof. Dr. Japar Sidik Bujang	Dekan FSPM	HADIR
26.	Prof. Dr. Bujang Kim Huat	Dekan SGS	HADIR
27.	Prof. Dr. Foong Soon Yau	Wakil Dekan GSM	HADIR
28.	Prof. Madya Dr. Nor Kamariah Noordin	Pengarah BPK	HADIR
29.	Prof. Dr. Abdul Rahman Omar	Pengarah IBS	HADIR
30.	Prof Dr. Robiah Yunus	Pengarah ITMA	HADIR
31.	Y.M. Prof. Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid	Pengarah IG	HADIR
32.	Prof. Dato' Dr. Hj. Kamel Ariffin Mohd. Atan	Pengarah INSPEM	HADIR
33.	Prof. Dr. Russly Abdul Rahman	Pengarah HALAL	HADIR
34.	Prof. Dr. Paridah Md Tahir	Pengarah INTROP	HADIR
35.	Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad	Pengarah IKDPM	HADIR
36.	Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah	Pengarah IPSAS	HADIR
37.	Prof. Dr. Zulkifli Idrus	Pengarah ITA	HADIR
38.	Prof. Ir. Dr. Norman Mariun	Pengarah RMC	HADIR
39.	Dr. Rohani Ibrahim	Pengarah Pusat Alumni	HADIR
40.	Pn. Noorizai Mohd Noor	Pengarah PKKSAAS	HADIR
41.	Prof. Dr. Aida Suraya	Pengarah CADe	TIDAK HADIR -wakil
42.	Prof. Dr. Mahiran Basri	Pengarah ASPer	HADIR
43.	Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis	Pengarah iDEC	HADIR

44.	Prof. Madya Dr. Nordin Abd Rahman	Pengarah APEEC	HADIR
45.	Tn. Hj. Mohamed Ghazali Haji Ali	Pengarah Pusat Islam	HADIR
46.	Prof. Dr. Abdul Jalil Nordin	Pengarah PPDN	HADIR
47.	Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran	Pengarah CEISeD	HADIR
48.	Prof. Madya Dr. Mahmud Tengku Muda Muhamed	Pengarah TPU	HADIR
49.	Prof. Madya Dr. Samsul Bahari Mohd Noor	Pengarah PPPA	HADIR
50.	Prof. Madya Dr. Shameem Mohd Rafik Khan	Pengarah MARCOMM	HADIR
51.	Dr. Che An Abdul Ghani	Pengarah CPC	HADIR
52.	Dr. Mohd Rafee Baharudin	Pengarah PPKKP	TIDAK HADIR
53.	Prof. Dr. Siti Shapor Siraj	Pengarah Stesen Sains Marin	TIDAK HADIR
54.	Prof. Dato' Dr. Mohamed Sharif Mohd Din	Pengarah Putra Science Park	TIDAK HADIR
55.	Prof. Dr. Mazanah Muhamad	Pengarah CaRe	HADIR
56.	Prof. Dr. Muhammad Nazrul Hakim	Pengarah Akademi Sukan	HADIR
57.	En. Ahmad Razie Abu Bakar	Pengarah Keselamatan	HADIR
58.	Prof. Dr. Husaini Omar	Pengarah Urusan UPM Holdings Sdn. Bhd.	HADIR
59.	Dr. Yahaya Abu Ahmad	Ketua, PKU	HADIR
60.	Tn. Hj. Hamzah Ismail	Ketua, Pusat Sukan	HADIR
61.	Prof. Madya Dr. Noor Azman Ali	Timbalan Pengarah BPK	HADIR
62.	Prof. Madya Dr. Mohammad Hammiruce Marhaban	Timbalan Pengarah RMC	HADIR
63.	Dr. Roselan Baki	Pengetua KMR	HADIR
64.	Pn. Rosna Abdul Rahman	Pengetua K2	HADIR
65.	Dr. Pakhriazad Hassan Baki	Pengetua KTDI	HADIR
66.	Dr. Hanafiah Ayub	Pengetua KC	HADIR
67.	Tn. Syed Agil Alsagoff	Pengetua K5	HADIR
68.	Prof. Madya Dr. Haji Jamaludin Haji Ahmad	Pengetua K6	HADIR
69.	Lt. Kol Othman Jailani	Pengetua KOSASS	HADIR
70.	Dr. Abdul Razak Abdul Rahman	Pengetua KTP	HADIR
71.	Dr. Farinazleen Mohamad Ghazali	Pengetua KPZ	TIDAK HADIR
72.	Prof. Madya Dr. Zulkifle Leman	Pengetua K10	HADIR
73.	Pn. Iza Dura Abd. Manan	Pengetua K11	HADIR
74.	Dr. Ismail Abd Latif	Pengetua K12	HADIR
75.	Dr. Arifin Abdu	Pengetua K13	HADIR
76.	Dr. Omrah Hassan@Hussin	Pengetua K14	HADIR
77.	Dr. Fatimah Sidi	Pengetua K15	HADIR
78.	Dr. Paiman Bawon	Pengetua K16	HADIR
79.	Dr. Abdah Md. Akim	Pengetua K17	TIDAK HADIR
80.	Tn. Hj. Rosdi Wah	Ketua Pentadbiran Pejabat Naib Canselor	HADIR



81.	Tn. Hj. Jamsari Tamsir	Ketua Pentadbiran Pejabat TNC (HEPA)	HADIR
82.	Pn. Chek Zan Kasah	Ketua Pentadbiran Pengajian Pra Siswazah	HADIR
83.	En. Amran Samek	Ketua Pentadbiran Pejabat TNC (JIM)	HADIR
84.	Pn. Nor Adida Abd Khalid	Ketua Pentadbiran Sekolah Pengajian Siswazah	HADIR
85.	En. Mustaffa Hj. Dollah	Ketua Pentadbiran Pejabat TNC (P&I)	HADIR
86.	Pn. Siti Badarny Hassan	Ketua Pentadbiran Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan	TIDAK HADIR
87.	En. Noor Mohamad Shakil Hameed	Ketua Bahagian Perancangan Korporat	HADIR
88.	En. Abdullah Arshad	Ketua Bahagian Pemasaran dan Komunikasi	HADIR
89.	Pn. Zainora Abdul Talib	Ketua Bahagian Audit Dalam	TIDAK HADIR -wakil : Shahrul Azaman Ramli
90.	Pn. Arbaiyah Md. Isa	Ketua Bahagian Akademik	HADIR
91.	Prof. Madya Dr.-Ing. Ir. Renuganth Varatharajoo	Ketua Bahagian Jaringan Industri	HADIR
92.	En. Hashim Md. Shari	Ketua Bahagian Jaminan Kualiti, Pejabat Pendaftar	HADIR
93.	En. Muhammad Adil Ahmad Tajuddin	Ketua Bahagian Perundang-Undangan Universiti, Pejabat Pendaftar	TIDAK HADIR -Wakil : Haslida Hassan
94.	Pn. Suhana Md Chairi	Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	HADIR
95.	Cik Nor Azizah Tamsi	Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar	HADIR
96.	En. Amran Zakaria	Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, PPPA	HADIR
97.	Tn. Hj. Zakaria Hamid	Ketua Bahagian Pengurusan Projek, PPPA	HADIR
98.	En. Mohd Faudzir Abu Bakar	Ketua Bahagian Pengurusan Aset, PPPA	HADIR
99.	Tn. Hj. Nizan Jaafar	Ketua Bahagian Pengurusan Fasiliti, PPPA	HADIR
100.	Pn. Kamariah Mohd Saidin	Ketua Penerbit	HADIR
101.	Tn Hj. Abdul Ghani Hashim	Ketua Bahagian, TPU	TIDAK HADIR
102.	Pn. Zuraidah Ahmad	Ketua Penolong Pendaftar, FEP	HADIR

UPM Universiti Putra Malaysia
Berilmu Berbakat | With Knowledge We Serve

PENCAPAIAN KPI UPM Q1 2012

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

13 APRIL 2012 | ROYALE BINTANG SEREMBAN



UPM Universiti Putra Malaysia
Berilmu Berbakat | With Knowledge We Serve

ACADEMIC

No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
1.	Nos. of PhD graduates produced per year	369 SPS : 358 GSM : 11	400	196 SGS : 187 GSM : 9	-
2.	% of PhD graduates completed their studies in 4 years (Operational Definition- From 1 st semester registration to award of degree by Senate)	47.15% SPS : 173/358 GSM : 1/11	50%	40.8% SGS : 75/187 GSM : 5/9	-

UPM Universiti Putra Malaysia
Berilmu Berbakat | With Knowledge We Serve

ACADEMIC

No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
3.	% of PhD graduates completed their studies in 7 semesters (Operational Definition- From 1 st semester registration to award of degree by Senate)	25.47% SPS=93/358 GSM=1/11	25%	18.88% SGS : 35/187 GSM : 2/9	Verified
4.	Income generation	RM 51.96m UG: 14,603,754 PG: 11,539,241 GSM: 7,614,078 ET: 16,000,000 Exec Prog: 2,196,889	RM90m	RM33.26 m UG: 10,578,384 PG: 12,181,558 GSM: 7,548,628 UPMUT: 2,500,000 Exec Prog: 655,380	

UPM Universiti Putra Malaysia
Berilmu Berbakat | With Knowledge We Serve

RESEARCH & INNOVATION

No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
5.	No. Commercialized Products	+25	+6	0	
6.	No. of Tech Know-How Licensing	+3	+12	0	
7.	Publication: (a) Impact Factor	2200	2300	533.81	
8.	Publication: (b) CU	2734	2700	487	
9.	Innovation	210	225	31	
10.	Income Generation	RM 73.4m	RM 100m	RM 17.3 m	

 Universiti Putra Malaysia <i>Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve</i>					
STUDENT AFFAIRS					
No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
11.	Income Generation	RM 5.97m	RM 10m	RM 1.76 m	Verified

*NB: Percentage of respondents rate CSI > 4.00

 Universiti Putra Malaysia <i>Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve</i>					
INDUSTRIAL & COMMUNITY LINKAGES					
No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
12.	% of Industrial penetration of 7229 identified GLC, MNC, PLC & others that strategic to UPM	24% (1758)	25% (1807)	7% (541)	Verified
13.	% of increase in Community penetration on 136 identified communities strategic and relevant to UPM	20%	25% (34)	6% (8 daerah)	Verified

 Universiti Putra Malaysia <i>Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve</i>					
INDUSTRIAL & COMMUNITY LINKAGES					
No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
14.	Impact (No. of staff/researchers that give high impact in university linkages in research)	411		68	Verified
15.	Income Generation	RM 26.5 m	RM 50m	RM 9.25 m	Verified

 Universiti Putra Malaysia <i>Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve</i>					
HUMAN RESOURCE					
No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
16.	Talent Management (TM) i) Developing credible outcome-based appraisal system for all	45%			
	a. Academic		100%	100%	Verified
	b. P&P		100% (Q2)	95%	Verified
	c. Support		100% (Q4)	Q4	

 Universiti Putra Malaysia <i>Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve</i>					
HUMAN RESOURCE					
No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
17.	TM: ii) Recruitment: a) Academic Staff with PhD	77.96%	80%	78.79%	
18.	TM: ii) Recruitment: b) Non- Academic Staff with multitasking ability		2.5% of permanent staff		
19.	Financial Savings	RM 15.6 m	RM 10 m	RM 0.84 m	Verified

 Universiti Putra Malaysia <i>Berilmu Berbakat With Knowledge We Serve</i>					
FINANCIAL MANAGEMENT					
No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
20.	Overall Income Generation from Bursar	RM 42.3m	RM 45m	RM 12.98 m	



Universiti Putra Malaysia
Berilima Bercaktil | With Knowledge We Serve

LIBRARY SERVICES

No.	KPI	Overall Achievement 2011	2012		Remarks
			Target	Achievement (Q1)	
21.	Customer Satisfaction Index (CSI) – Undergraduates*	75.40%	70%	79.95%	

*NB: Percentage of respondents rate CSI > 4.00

13

**CATATAN BENGKEL PENILAIAN
PENCAPAIAN KPI Q1 2012 DAN PERBINCANGAN AUTONOMI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 13 – 14 April 2012
Masa : 9.00 pagi
Tempat : The Royale Bintang Seremban
Kehadiran : Sebagaimana di Lampiran A

PENDAHULUAN UCAPAN PENGARAH PERANCANGAN KORPORAT

BIL	PERKARA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
1.	Pengarah Perancangan Korporat mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta bengkel kali ini dan memaklumkan perjalanan bengkel.	Makluman : Semua

**PERKARA 1 PEMBENTANGAN PRESTASI PENCAPAIAN KPI UPM
OLEH Y.BHG. DATO' NAIB CANSELOR**

BIL	PERKARA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
1.	Y.Bhg. Dato' Naib Canselor menyatakan antara beberapa pencapaian 2011 yang boleh dibanggakan adalah: 1. Bilangan graduan PhD yang tertinggi: 369 2. Penjanaaan pendapatan dari aktiviti penyelidikan: RM78j (RMK10) 3. Pencapaian impak faktor: 2,100 4. Peratusan kebolehpasaran siswazah: 83.3%	Makluman : Semua Rujukan: Lampiran 1
2.	Y.Bhg. Dato' Naib Canselor turut memaklumkan bahawa bermula tahun hadapan, KPT akan menggunakan model agihan bajet berasaskan prestasi (PSPTN vs <i>Buying of Service</i>) dimana terdapat pengurangan peruntukan bajet RU RM50j bermula tahun hadapan yang memerlukan UPM untuk menjana pendapatan sendiri.	
3.	Y.Bhg. Dato' Naib Canselor memaklumkan bahawa terdapat 46 KEY Performance Indicator 2012 yang memberi impak langsung kepada pengurusan Universiti, dimana KPI di peringkat JPU ini diagihkan ke setiap PTJ, Dekan dan staf dimana SKT ini perlu dimuktamadkan pada Q2 .	
4.	Laporan pencapaian dan isu yang perlu diberi perhatian oleh JPU: TNCAA 1. Bilangan graduan PhD yang dihasilkan (169 orang) turut disumbang oleh bilangan pengambilan pelajar PhD. 2. Pengukuran KPI peratusan graduan PhD yang menamatkan pengajian dalam tempoh 7 Semester sekaligus mengukur kualiti penyeliaan pelajar yang turut diukur dalam MyRA II (25%).	

	3. Penjanaan pendapatan: termasuk sumber pendapatan daripada program eksekutif yang dikendalikan oleh GSM dan UPMET. TNCPI 1. Tempoh masa akan diberi bagi proses pencegahan KPI . TNCHEPA 1. Sumber kewangan waqaf ilmu yang diperolehi sehingga kini adalah RM50ribu (Sasaran RM2.5j). 2. Cadangan adalah untuk melibatkan inisiatif yang melibatkan aktiviti-aktiviti amal, kerja khidmat masyarakat, pelajar-pelajar tahun akhir dan persatuan-persatuan pelajar. 3. Y. Bhg. Dato' Naib Canselor memberi contoh yang dilaksanakan oleh Pusat Islam Universiti: 4 buah tabung disediakan untuk kutipan waqaf ilmu dimana dapat mengutip hampir RM1,500 – RM2,000/ minggu. TNCJIM 1. Separuh daripada pendapatan yang dijana akan disumbangkan ke dana waqaf ilmu. Pendaftar a. Pendaftar perlu memastikan bahawa sistem penaksiran yang dilaksanakan boleh dipercayai (credible): • P&P: memerlukan penglibatan pemegang taruh (5%). • Kumpulan pelaksana: memerlukan perbincangan selanjutnya dengan KEPERTAMA. Bendahari • Portfolio penjanaan pendapatan: antaranya waqaf, hartanah, yuran, penjanaan pendapatan UPM Holdings, perkhidmatan, sewaan dan hasil ladang. • Perlu melihat kepada bidang penjimatan/ kawalan kos. Pustakawan • Hanya satu KPI sahaja yang diukur pada Q1. Kesimpulan • Secara keseluruhan prestasi pencapaian KPI UPM baik (81.1%) yang masih boleh diperbaiki. • Pengenalpastian penyesuaian flexi-SKT yang berdasarkan pengurusan prestasi adalah penting	
2.	Sesi soal jawab berkenaan pembentangan oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor: a. <u>Prof. Dr. Mohd Ali Hassan, Dekan FBSB:</u> Persoalan mengenai formula pemberian dana kewangan daripada Kementerian, sekiranya ia adalah berasaskan kepada pelajar yang menjurus kepada status Universiti Pengajaran dan bukan sebagai Universiti Penyelidikan <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Sehingga kini formula pemberian dana kewangan adalah berasaskan	

	bilangan pelajar. Walaubagaimanapun, aktiviti penyelidikan turut membantu dalam penjanaaan dan penerokaan ilmu (bilangan pascasiswazah berdasarkan bidang dan yuran) dan penjanaaan kekayaan yang dapat memberi hasil pendapatan.	
b.	<u>PM Dr Zainal Abidin Talib, Dekan FS:</u> Persoalan mengenai KPI yang telah diagihkan kepada Fakulti tidak dapat dilaksanakan didalam SKT dan memberi gambaran yang tidak betul. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Memohon agar sistem dapat menampung keperluan yang dijanjikan dalam SKT. <u>Maklumbalas PM Dr Suhaimi Napis, Pengarah IDEC:</u> IDEC akan mengemaskini formula didalam sistem dan akan berbincangan dengan TNCPI dengan lebih lanjut.	Tindakan: IDEC/ TNCPI
c.	<u>Prof. Dr. Aida Suraya Md Yunus, Pengarah CADe:</u> Persoalan mengenai penilaian KPI pembentukan sistem penaksiran dan pengambilan staf. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> KPI pembentukan sistem penaksiran perlu bagi memastikan hasil sistem adalah berbentuk objektif dan kandungan penilaian sistem bagi keseluruhan perjawatan.	Tindakan: Pendaftar
d.	<u>Prof. Dr. Rahinah Ibrahim, Dekan FBSB:</u> Persoalan mengenai perhubungan KPI penaksiran akademik dan pengambilan staf akademik <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> KPI Penaksiran akademik adalah merujuk kepada pembentukan sistem penaksiran manakala KPI pengambilan staf akademik merujuk kepada antara kandungan sistem tersebut.	
e.	<u>PM Dr. Nordin Abd Rahman, Pengarah APEEC:</u> Persoalan mengenai peruntukan universiti terhadap penglibatan komuniti dan komitmen universiti dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR). <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Memandangkan model kewangan adalah berasaskan OS maka segala perbelanjaan akan diagihkan mengikut bajet, namun sekiranya model kewangan diubah ekoran daripada keputusan Kementerian, maka kaedah perbelanjaan dikekalkan mengikut keperluanUniversiti cuma penjanaaan pendapatan berdasarkan portfolio perlu dilaksanakan.	

PERKARA 2 PEMBENTANGAN PENCAPAIAN PENYELIDIKAN & INOVASI OLEH Y.BHG. TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

BIL	PERKARA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
-----	---------	-----------------------

1.	Pembentangan oleh Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).	Rujukan: Lampiran 2
2.	Kesimpulan - KPI penyelidikan dan inovasi diagihkan kepada PTJ mengikut seksyen MyRA dimana data keputusan tidak di hadkan (capped) kerana boleh melebihi sasaran. - Setiap PTJ perlu mengetahui kedudukan semasa MyRA dan keperluan untuk penambahbaikan. - Seksyen F: Inovasi membuktikan keluwesannya indikator, dimana FRSB mendapat markah skor didalam penerbitan tetapi mencapai markah tertinggi dalam inovasi. - Pemarkahan MyRA baik adalah sumbangan daripada pencapaian PTJ yang baik hasil daripada pencapaian tinggi oleh staf di PTJ. - Berdasarkan PTJ Star Rating: Kesemua PTJ menunjukkan peningkatan pemarkahan dimana jika dibandingkan dengan pemarkahan HiCOE, 8 Institut dijangkakan melebihi pemarkahan HiCOE.	Makluman: Semua
3.	Kesimpulan: - Sasaran KPI universiti telah agihkan kepada setiap PTJ berdasarkan produktiviti (penerbitan, geran dan inovasi) pada awal tahun dimana. - TNCPI akan mengkaji kiranya PTJ mempunyai sistem susulan untuk hasil semasa penerbitan. - FSTM dipohon agar berkongsi pengalaman dalam mencapai bilangan penerbitan per staf yang tertinggi (1.64). - Perbincangan pemarkahan instrumen MyRA II: - Markah "Unsatisfactory" adalah bagi markah yang kurang 75% daripada markah keseluruhan. - Bagi <u>Seksyen B</u>: - Setiap PTJ perlu mencapai sekurang-kurangnya 1 geran industri dan 2 geran antarabangsa. - PTJ dan Pendaftar dipohon untuk menyediakan sasaran dan rekod staf PhD atau berkeelayakan professional bagi 2012. - Anugerah dan Pengiktirafan: turut termasuk data <i>keynote presentation</i>, penyertaan dalam pameran antarabangsa. - Bagi <u>Seksyen C</u>: - Sasaran penerbitan ditingkatkan ke 4000. - Sasaran IF ditingkatkan ke 3,370. - Sebagai makluman, secara keseluruhan hanya 1/3 staf yang menyumbang kepada penulisan journal yang berimpak. - Bagi <u>Seksyen D</u>:	Rujukan: Lampiran 3 Makluman: Semua Tindakan: FSTM Makluman: Semua Makluman: Semua

	• Bilangan graduan PhD yang disasarkan 460 orang. • Peratus graduan yang menamatkan pengajian dalam tempoh 7 semester ialah 30% (137 orang). • Setiap PTJ dikehendaki untuk mengambil 3 pasca-doktoral tempatan, dan dicadangkan untuk SGS untuk mengenalpasti graduan PhD untuk ditawarkan perjawatan pasca-doktoral dalam tempoh 6 bulan (dengan menggunakan dana RU) 5. Bagi <u>Seksyen E</u>: • Bagi memastikan klausa keperluan <i>Transfer of Technology</i> dinyatakan di dalam perjanjian, dipohon Bahagian Perundangan agar mengkaji dan memperincikan di dalam perjanjian. • Sehingga kini, UPM telah mempunyai 46 produk komersil. 6. Bagi <u>Seksyen F</u>: • Berkaitan dengan penjana pendapatan dari setiap Peneraju KPI • Bagi KPI <i>Gross income generated from consultancy excluding contract research</i> perlu mencapai sasaran yang lebih tinggi daripada pencapaian 2011. • Hanya perjanjian termeterai sahaja yang dikira dan PTJ dipohon agar memastikan perjanjian ditandatangani dan bukan sekadar ikrar. 7. Bagi <u>Seksyen G</u>: • MyRA II hanya mengambilkira Perjanjian dan tidak MoU. PTJ dipohon agar Perjanjian diteliti- mengambilkira senarai staf/pelajar yang terlibat bagi <i>joint research</i>. 8. Bagi <u>Seksyen H</u>: • PTJ dipohon untuk memastikan lab di PTJ bersedia untuk dinilai bagi persijilan dan pengesahan lab.	Tindakan: TNCAA/ SGS/ PTJ Tindakan: Bhgn Perundangan Tindakan: Peneraju Tindakan: TNCPI/ UPM Holdings Makluman: Semua Makluman: Semua
4.	Sesi soal jawab berkenaan pembentangan oleh Y. Bhg. TNCPI:	
a.	<u>Tn Hj Rosdi Wah, Ketua Pentadbiran PNC:</u> Persoalan mengenai persediaan UPM dalam menangani pelajar PhD yang masih belum menamatkan pengajian (melebihi tempoh) yang turut membazirkan sumber. <u>Maklumbalas TNCPI:</u> Instrumen MyRA adalah untuk mengenalpasti tahap kualiti penyeliaan pasca siswazah dan turut boleh mengambilkira peratusan pelajar PhD yang sudah melebihi tempoh pengajian.	
b.	<u>Prof. Dr. Bujang Kim Huat, Dekan SGS:</u> Persoalan kaedah pengukuran kualiti kemasukan pelajar pasca siswazah. <u>Maklumbalas TNCPI:</u> Bergantung kepada CGPA kemasukan pelajar, peratusan pelajar yang memperolehi tajaan.	

c.	<u>Prof. Dr. Zulkifli Idrus, Pengarah ITA:</u> Cadangan dalam pemberian insentif individu, memandangkan hanya 28% daripada keseluruhan staf akademik yang menyumbang kepada penerbitan yang merupakan antara indikator penting MyRA II. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Instrumen MyRA II telahpun dibentangkan kepada Jawatankuasa Naib Canselor namun didapati antara kaedah pengukuran adalah tidak objektif, yang sepatutnya lebih berasaskan hasil. Penerimaan bagi penandaaras MyRA II diukur pada tahap 75% dapat memberi ruang dan jangka hayat penambahbaikan (shelflife). Meminta agar Jawatankuasa dibentuk untuk membincangkan dan memperincikan polisi pemberian insentif (dibawah instrumen penilaian SSM).	
----	---	--

PERKARA 3 PEMBENTANGAN INSTRUMEN TOP BUSINESS SCHOOL
OLEH DEKAN, SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH PENGURUSAN (GSM)

BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	Pembentangan oleh Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM).	Rujukan: Lampiran 4
2.	Kesimpulan: Makluman berkenaan proses pembangunan instrumen baru <i>Top Business School (TBS)</i> oleh KPT bagi tahun 2011 telah melibatkan pihak industri bagi mendapatkan maklumbalas. Terdapat pembaharuan terhadap pembangunan instrumen ini dan proses permohonan status TBS juga telah diperketatkan.	Makluman: Semua
3.	Sesi soal jawab berkenaan pembentangan oleh Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM):	
a.	<u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Makluman berkenaan TBS kepada pegawai kanan adalah penting terutama dalam membantu urustadbir TBS kerana sasaran memperkasakan TBS adalah salah satu objektif UPM. Dato' NC juga memaklumkan bahawa Yayasan Business School (YBS) telah ditubuhkan dan diluluskan oleh Y.B Menteri Kewangan. UPM juga disarankan supaya belajar daripada pengalaman TBS bagi pelaksanaan autonomi yang betul. Autonomi akan diturunkan secara berperingkat oleh kementerian dan dijangkakan kuasa penuh boleh dicapai dalam tempoh tiga tahun. Selain daripada itu, melalui autonomi, jika UPM mencapai penjanaaan pendapatan yang tinggi, UPM akan dibenarkan untuk menubuhkan skim sendiri dan insentif yang akan diperolehi tidak akan terikat seperti mana pada masa ini.	Makluman: Semua Makluman: Semua Makluman: Semua

b.	<u>Maklumbalas TNCPI:</u> TNCPI memaklumkan bahawa PBS boleh dianggap seperti UPM Holding iaitu anak syarikat UPM yang menjalankan perniagaannya sendiri. Oleh sebab itu, setiap output di PBS contohnya seperti <i>consultancy</i>, kontrak penyelidikan, diharap akan dipindahkan juga sebagai output UPM. <u>Maklumbalas Prof. Dr. Arfah Salleh, Dekan GSM:</u> Memaklumkan bahawa PBS akan menyokong dan membantu dalam penyeliaan (urustadbir) bagi semua pensyarah FEP selain daripada menyokong menjadi pusat penyelidikan dan pembelajaran UPM. PBS juga akan bersama-sama membantu fakulti-fakulti dalam melaksanakan urustadbir yang lebih baik, terutama dalam hal penyeliaan pelajar.	Tindakan: GSM
c.	<u>Prof. Dr. Mohd Shahwahid Hj Othman, Dekan FEP:</u> Bersetuju dengan kepentingan penyeliaan bagi semua pensyarah FEP dan berterima kasih atas jaminan PBS untuk bekerjasama dalam hal penyeliaan pelajar (yang turut berkaitan dengan KPI permohonan Profesor Madya). FEP meminta agar setiap pembangunan di PBS turut dimaklumkan kerana FEP dan PBS perlu bekerjasama bagi meningkatkan pencapaian KPI. Mencadangkan bahawa Dekan FEP juga dilibatkan dalam pembangunan PBS dari segi penyeliaan, penasihat akademik pelajar siswazah serta dalam aktiviti pengajaran di PBS. Sebelum ini, peruntukan yang diberikan lebih menjurus kepada PBS menyebabkan pensyarah fakulti tidak diberi peluang untuk menyelia. Selain itu juga, mencadangkan bahawa akademik staf FEP dimasukkan juga dalam Jawatankuasa GSM bagi proses pemilihan pelajar GSM bagi tujuan perancangan pendidikan. Ini membolehkan dekan FEP mengenalpasti pelajar yang berpotensi dalam meningkatkan kualiti akademik sejajar dengan keperluan pencapaian KPI fakulti. Dalam tempoh sehingga 2012, lebih banyak kerjasama antara FEP dan PBS boleh dilaksanakan. <u>Maklumbalas Prof. Dr. Arfah Salleh, Dekan GSM:</u> Memaklumkan bahawa sebelum ini, Ketua Jabatan Pengurusan Pemasaran dan Ketua Jabatan Perakaunan dan Kewangan FEP akan secara langsung terlibat sebagai Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran GSM. Pada kini, dicadangkan supaya Dekan FEP juga disenaraikan sebagai ahli jawatankuasa. Oleh itu, akan terdapat dua peringkat jawatankuasa pemilihan – Pemilihan peringkat pertama disertai oleh <i>Head of Thesis-Based Program GSM</i> bersama-sama dua ketua jabatan dari FEP; pada pemilihan peringkat kedua, setelah mendapat persetujuan bersama, <i>Head of Thesis-Based Programme</i>, <i>Head of Non-Thesis Based Programme</i> di GSM dan Dekan GSM akan membuat pemilihan.	Makluman: FEP/GSM Tindakan: GSM Tindakan: GSM Makluman: Semua
d.	<u>Maklumbalas Prof. Dr. Fatimah Mohd Arshad, Pengarah IKDPM:</u> Bersetuju dengan instrumen TBS kerana bertepatan dengan keperluan disiplin sains sosial terutama instrumen yang dapat mengukur kerelevanan dan impak kepada industri dan sumbangan kepada masyarakat.	

	Persoalan diajukan mengenai keluwesan disiplin sains sosial yang ditawarkan oleh Institut berasaskan sains sosial berdasarkan impak kepada masyarakat. <u>Maklumbalas Prof. Dr. Arfah Salleh, Dekan GSM:</u> Bermula Mei 2012, GSM akan bekerjasama dan berkomunikasi dengan lebih efektif bersama-sama FEP. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> TBS mempunyai instrumen pengukuran sendiri. Persoalan bagaimana UPM dapat menggabungkan dan memperluweskan impak sosial sains dengan bidang yang lain. Oleh sebab itu, perlu mewujudkan sub-instrumen yang dapat menyokong keperluan instrumen yang lain yang tidak tertumpu kepada peningkatan nombor (jumlah impak contohnya). Memerlukan sub-instrumen yang dapat menterjemahkan ilmu untuk kemaslahatan ummah. Meminta mewujudkan cadangan bagaimana untuk membangunkan sub-instrumen bagi menyokong disiplin sains sosial.	Tindakan: Semua
--	---	-----------------------------------

PERKARA 4 PEMBENTANGAN PERANCANGAN MULTITASKING OLEH PENDAFTAR

BIL	PERKARA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
1.	Pembentangan Cadangan Pelaksanaan Perkhidmatan Kejut oleh Y. Bhg. Dato' Pendaftar.	Rujukan: Lampiran 5
2.	Kesimpulan: Mengambil maklum keperluan pelaksanaan yang meliputi perkara-perkara berikut: • Menentukan keperluan sebenar (Rightsizing) berdasarkan FTE • Menjumudkan perjawatan yang tidak perlu dengan menstukturkan semula tugas berdasarkan aktiviti sebenar. Penstrukturan semula tugas juga boleh melibatkan pengwujudan gelaran jawatan yang baharu. • Melaksanakan konsep Multitask dengan meningkatkan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran bagi jawatan yang dikenalpasti. • Top-up system yang melibatkan pemberian elaun insentif boleh dilaksanakan dengan peruntukan yang dijana sendiri. Walau bagaimana pun beberapa isu yang berkaitan dengan pelaksanaan multitask yang perlu diperhalusi dan dibincangkan terutamanya dari segi peruntukan, pelaksanaan Top-up system dan keupayaan staf yang terlibat.	

3. a. b. c.	Sesi soal jawab berkenaan pembentangan oleh Y. Bhg. Dato' Pendaftar: <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Kerangka dan prinsip pelaksanaan cadangan perlu di perhalusi. Isu yang dibangkitkan perlu dipertimbangkan terutamanya dari segi peruntukan emoluman yang telah ditetapkan oleh waran perjawatan. Walau bagaimanapun waran tersebut boleh ditukar sekiranya universiti mendapat autonomi penuh untuk Pengurusan Sumber Manusia. Dengan pelaksanaan sistem ini, universiti akan mendapat tenaga kerja yang lebih efisien dengan jumlah peruntukan emolument yang sama. <u>Bendahari:</u> Perancangan kerajaan pada masa akan datang juga perlu dilihat samada mengikut model PSPTN ataupun <i>buying of services</i> dimana kedua-duanya memerlukan 30% penjanaan pendapatan daripada keseluruhan keperluan perbelanjaan. Impak dari segi kewangan bagi penjimatan dan kawalan kos tidak dapat dilihat sekiranya perbelanjaan sumber manusia yang menghampiri 60% daripada peruntukan tidak diteliti semula. Walau bagaimanapun impak pelaksanaan multitask dari segi peningkatan produktiviti staf dapat dilihat. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Perancangan dan pelaksanaan multitask memerlukan penglibatan dan input daripada semua pemegang taruh. Framework yang dibangunkan perlu mengambil sedikit masa. <u>TNCPI:</u> Mengambil perhatian berhubung persepsi pada gelaran jawatan yang menghalang staf daripada melakukan tugas-tugas lain yang boleh dilakukan. Gelaran adalah untuk mewujudkan sesuatu jawatan dan tidak sepatutnya mengekang skop tugas yang dilakukan. Sistem Top-up tidak sesuai dilaksanakan sekiranya tugas yang dilakukan masih dalam lingkungan waktu pejabat iaitu jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Pemberian insentif tersebut boleh dilaksanakan bagi tugas-tugas yang melebihi ekspektasi dan sasaran kerja. Mencadangkan supaya menjadikan universiti swasta sebagai penanda aras untuk mengukur produktiviti staf bukan akademik. <u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Memaklumkan bahawa analisa bagi FTE akan diselesaikan dengan segera. Walau bagaimanapun pengukuran multitask adalah sukar bagi setiap individu. Kriteria yang jelas akan digariskan bagi tujuan pelaksanaan sistem Top-up. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Penanda aras boleh digunakan dengan mengambil kira beberapa peruntukan dan faktor pembetulan (corrective factor). Pengoptimuman bagi kapasiti pelajar dan staf perlu dilihat berdasarkan sistem tadbir urus dan kemudahan sedia ada.	Tindakan: Pendaftar Tindakan: Pendaftar
---	--	---

d.	<u>Prof. Dr. Rahinah Ibrahim, Dekan FRSB:</u> Mencadangkan supaya tahap efisien staf ditingkatkan untuk membantu meringankan beban pensyarah. <u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Memaklumkan bahawa spesifikasi tugas perlu di bangunkan semula. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Mengambil perhatian berkaitan jawatan-jawatan tertentu yang masih dikaitkan dengan pegawai akademik disebabkan pegawai bukan akademik tidak dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang.	
e.	<u>PM Datuk Dr. Bashir Ahmed Fateh Mohamed, Dekan FPV:</u> Memberi pendapat bahawa multitasking boleh dilaksanakan melalui pembelajaran latihan. Dicadangkan juga supaya spesifikasi kerja diperluaskan melalui sistem dalaman supaya tidak mengekang staf daripada melakukan tugas diluar spesifikasi tugas sedia ada. Pemberian insentif juga dicadangkan supaya diberi untuk membantu meningkatkan prestasi staf iaitu dalam bentuk kemudahan, infrastuktur dan latihan yang lebih baik. <u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Memaklumkan bahawa setiap agensi kerajaan mempunyai spesifikasi tugas yang spesifik. Walau bagaimanapun isu berkaitan multitasking telah bermula sejak akhir-akhir ini. Spesifikasi tugas sedia ada boleh distruktur semula. Insentif berbentuk bukan kewangan juga boleh diberikan. Walau bagaimanapun penerimaan daripada staf mungkin berbeza. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Berkaitan dengan peluasan spesifikasi tugas, spesifikasi tugas sedia ada perlu memenuhi keperluan tahap kemampuan staf yang efisien. Aktiviti-aktiviti yang tidak produktif seperti upacara perasmian tidak semestinya dijalankan supaya tugas-tugas lain dapat dijalankan dengan lebih efisien.	
f.	<u>YM. Prof. Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, Pengarah IG:</u> Perkongsian pengalaman di IG dimana tugas-tugas pentadbiran yang dilaksanakan oleh Pegawai Penyelidik telah diserahkan kembali kepada pegawai dan pembantu tadbir. Justeru tugas staf pentadbiran telah diperluan dan meningkatkan produktiviti mereka.	
g.	<u>Prof. Dr. Mohd Ali Hassan, Dekan FBSB:</u> Budaya kerja Univesiti Penyelidikan tidak dihayati oleh semua staf di UPM. Nisbah staf bukan akademik adalah melebihi staf akademik. Namun hanya pengukuran prestasi pegawai akademik sahaja yang dapat dilihat. Justeru prestasi pegawai bukan akademik juga perlu diukur. Selain itu, kerjasama persatuan staf seperti Persatuan Pegawai Akademik,	

	Persatuan Pentadbir dan KEPERTAMA adalah diharapkan untuk menyokong usaha untuk membantu staf meningkatkan produktiviti dan mengoptimumkan sumber organisasi. Mencadangkan supaya penglibatan dilakukan diperingkat Pejabat Pendaftar supaya sumber tenaga sedia ada dapat digunakan dengan optimum. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Memaklumkan bahawa UPM tidak mempunyai sistem penilaian yang objektif berdasarkan aktiviti dan menyukarkan untuk analisa prestasi dibuat. Penglibatan daripada staf sokongan perlu diperolehi melalui KEPERTAMA. <u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Menegaskan bahawa kehadiran pegawai bukan akademik adalah untuk menyokong pegawai akademik termasuk aktiviti penyelidikan, namun pengiktirafan RU dirasakan tidak pula dikongsi bersama pegawai bukan akademik. <u>En. Mohd Zailani Abd Razak, Presiden KEPERTAMA:</u> Menegaskan bahawa tanggapan kumpulan pelaksana tidak memberi kesan atau tidak membantu universiti adalah tidak jelas dan tidak tepat. Kumpulan pelaksana dah mula melaksanakan multitasking sejak dahulu, tetapi tidak dapat pengiktirafan. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Menjelaskan bahawa pegawai akademik merasa tekanan yang lebih tinggi berbanding staf pelaksana disebabkan status Universiti Penyelidikan.	
h.	<u>Prof. Dr. Bujang Kim Huat, Dekan SGS:</u> Pegawai akademik dan pelaksana perlu memahami antara satu sama lain dan kumpulan pelaksana harus diberikan latihan yang sewajarnya. Berkongsi maklumat nisbah pegawai akademik yang melebihi staf sokongan di UNITEN. Staf sokongan akan bergantung kepada tahap kompetensi dimana pemberian ganjaran atau bones diberikan sekiranya staf dapat mencapai prestasi yang ditetapkan.	
i.	<u>Prof. Dr. Fatimah Mohd Arshad, Pengarah IKDPM:</u> Penglibatan staf bukan akademik dalam tugas atau aktiviti penyediaan perlu ditingkatkan. Walau bagaimanapun terdapat kekangan kemampuan bagi staf wanita bagi menjalankan tugas-tugas berat yang lebih bersesuaian dengan tenaga staf lelaki. <u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Memaklumkan bahawa majoriti permohonan bagi kekosongan jawatan teknikal adalah daripada kalangan wanita. Justeru pemilihan calon dari kalangan lelaki tidak dapat dibuat.	
j.	<u>PM Dr. Nor Kamariah Noordin, Pengarah Perancangan Korporat:</u> Meminta supaya pelaksanaan FTE dikongsi bersama supaya pegawai akademik juga dapat bekerjasama dan menyumbang. <u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Memaklumkan bahawa FTE merupakan cadangan untuk memastikan	

	jumlah staf yang diperlukan untuk UPM berfungsi dgn cekap dan berkesan. Pejabat Pendaftar telah mendapatkan maklumbalas berkaitan FTE daripada setiap PTJ. <u>Ketua, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia:</u> Untuk mendapatkan jumlah sebenar staf yang diperlukan, setiap proses yang ada di PTJ dianalisa. Buat masa ini, keseluruhan proses berkaitan dengan pra-siswazah sedang dianalisa. Pegawai tadbir di setiap PTJ turut dilibatkan.	
k.	<u>En. Mohd Zailani Abd Razak, Presiden KEPERTAMA:</u> Memaklumkan bahawa di peringkat GAPUM dan CUEPACS belum lagi berbincang dan meneliti berkenaan KPI dan pelaksanaan multitasking. Namun, KEPERTAMA bersetuju dan menyokong supaya sistem top-up ditimbangkan. Walau bagaimanapun, penelitian perlu dibuat bagi pelaksanaan multitasking supaya tugas yang diluar bidang kemahiran tidak diberikan kepada staf. Tugas seperti dalam bidang teknikal perlu diberi kepada staf yang terlatih bagi mengelakkan berlakunya kemalangan. Definisi gelaran jawatan perlu jelas dan bersesuaian dengan skop tugas bagi mengelakkan kekeliruan. <u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Cadangan pelaksanaan multitasking adalah masih diperingkat awal. Proses penelitian untuk membangunkan kriteria tugas dan jawatan masih belum dilaksanakan. Pelaksanaan sistem top-up juga adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan universiti.	
l.	<u>Prof. Dr. Ahmad Ismail, Presiden PPA:</u> Keperluan bilangan pensyarah (right sizing) perlu dibandingkan dengan universiti yang lebih maju dengan mengambil kira matlamat universiti. Persoalan berkenaan tahap penguasaan pegawai bukan akademik dalam teknologi ICT yang dapat meningkatkan keberkesanan tugas. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Menyatakan bahawa keperluan right sizing berkait rapat dengan keperluan organisasi. Dalam kerangka autonomi, menjalankan tugas dari rumah dengan penetapan outcome dan tempoh boleh dicadangkan dengan adanya keupayaan penggunaan ICT.	
m.	<u>TNCPI:</u> Mencadangkan supaya pegawai akademik melibatkan staf bukan akademik dalam tugas (pengajaran atau penyelidikan) untuk membentuk KPI staf bukan akademik; Melainkan Pejabat Pendaftar dapat menentukan cara yang lebih jelas untuk mengenalpasti KPI dengan penglibatan KEPERTAMA. Mengambil perhatian berkenaan penilaian prestasi staf yang bermasalah yang mendapat markah yang sama dengan staf yang mencapai prestasi. Penilaian perlu objektif supaya adil kepada semua staf.	

	<u>Maklumbalas Pendaftar:</u> Memaklumkan bahawa kriteria penilaian prestasi tidak berubah melainkan sistem penilaian KPI baharu yang lebih telus dapat dibangunkan. Ini penting supaya markah penilaian adalah selari dengan prestasi staf. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Menegaskan pengendalian yang telus bagi staf bermasalah. Laporan perlu dimajukan kepada Pejabat Pendaftar supaya tindakan dapat diambil. n. <u>PM Dr Nordin Abd Rahman, Pengarah APEEC :</u> Persoalan berkenaan langkah dan persediaan untuk menjumudkan jawatan dan mewujudkan jawatan baharu sedangkan peruntukan (gaji) bagi perjawatan masih diberikan oleh kerajaan. Peruntukan akan diberi mengikut bilangan staf. Mengambil perhatian berkenaan jawatan-jawatan tertentu yang tidak mendapat pergerakan jawatan seperti pegawai pertanian. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Memaklumkan bahawa Universiti perlu mengikut peraturan kerajaan memandangkan peruntukan diterima daripada kerajaan melainkan pendapatan dapat dijana sendiri. o. <u>Prof. Dr. Russly Abdul Rahman, Pengarah IPPH:</u> Perkongsian pemerhatian di organisasi lain berkenaan pelantikan staf yang boleh diamalkan sekiranya universiti mendapat autonomi. Dalam konteks multitasking, perkongsian dua staf untuk melakukan sesuatu tugas juga boleh dibuat dengan melantik dua staf sambilan. Pembahagian gaji juga diberikan mengikut jumlah tugas yang dilakukan. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Mengambil maklum cadangan tersebut boleh dijalankan dengan penawaran jawatan sambilan dengan kadar yang lebih baik. Secara keseluruhannya, proses perbincangan lanjut dan teliti perlu dijalankan segera dengan penglibatan semua pihak. Tempoh 3 tahun diberikan untuk pelaksanaan konsep multitask secara sepenuhnya.	
--	---	--

PERKARA 5 PEMBENTANGAN PERANCANGAN PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI OLEH BENDAHARI

BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	Pembentangan oleh Y.Brs. Bendahari	Rujukan: Lampiran 6
2.	Kesimpulan: 1. Jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk pengurusan Universiti 2011: RM889.13j (emolumen 44.5%, utiliti 4.2%). 2. Aktiviti utama universiti yang luwes antara penyelidikan, pengajaran dan lain-lain adalah berasaskan peruntukan berdasarkan aktiviti (activity-based costing).	

	3. Bagi perbelanjaan 2010-2011: • Sewaan: boleh digunakan secara strategik- perkhidmatan bas, sewaan computer • Penyelenggaraan: yang <i>dioutsource</i> pembangunan, pencucian, pembersihan kawasan dimana penjimatan boleh dilakukan. 4. Maklumat Sumber Manusia 2011: • Staf akademik berkebolehan untuk melaksanakan tugas pentadbiran. • Berhasrat agar sumber kewangan dapat dibelanjakan untuk staf yang berkualiti. • Nisbah Ideal Staf Akademik: Bilangan Pelajar (1:15) 5. Jumlah pendapatan yang diperolehi bagi 2011: RM921.79j, dimana ada pendapatan yang diperolehi tidak boleh dibelanjakan. • Bidaan Penyelidikan/ Projek: UPM dipohon untuk meningkatkan bidaan. • Pengurusan Aset: perlu digunakan sepenuhnya (penggunaan bilik kuliah hanyalah 53%). 6. Terdapat dua(2) Model Penjanaan Pendapatan yang memerlukan pendekatan yang agresif: • PSPTN, dimana RM415j diperlukan pada 2017 (57% penjanaan pendapatan) • <i>Buying of Service</i> – berdasarkan aktiviti dan kos, dimana RM445j diperlukan pada 2015 (52% penjanaan pendapatan pada RM465j pada 2017). 7. Antara portfolio pendapatan yang dibincangkan: 1. Peningkatan yuran pengajian pelajar antarabangsa 2. Infrastruktur Universiti terutama staf perlu bersedia untuk menjana pendapatan. 3. Cadangan untuk mendedahkan atau mempamerkan produk keluaran UPM bagi menjana pendapatan UPM. 8. Cadangan Penjanaan Pendapatan Mengikut Portfolio PSPTN/ <i>Buying of Services</i> • Yuran: Cadangan pemberian insentif kepada PTJ berkaitan pengambilan pelajar antarabangsa oleh UPM Holdings. • Waqaf Ilmu/ Endowment: Contoh: Amalan <i>Harvard Business School</i> dimana setiap kelas graduan (graduating class) menderma ke Tabung Harvard, amalan menyediakan Tabung di PTJ dan mewaqafkan hasil sewaan. • Hasil Ladang: Inisiatif untuk mendapatkan dan meningkatkan hasil. • Sewaan: Boleh menawarkan perkhidmatan sewaan lab, dewan, hospital veterinar dan perkhidmatan makanan. • UPM Holdings: Menggunapakai badan autonomi (UPM Holdings and Yayasan PBS) untuk menjana pendapatan dan memberi faedah kepada Universiti. • Pembangunan Hartanah: Menjelang 2013, hasil tanah baru boleh diperolehi, iaitu tempoh 2 tahun untuk pembangunan hartanah.	
--	---	--

	Dijangkakan pada 2017, Universiti boleh menjana RM36j/ tahun.	
3.	Maklumbalas Dato' NC berkenaan pembentangan oleh Y. Brs. Bendahari: - Dato' NC meminta agar perbelanjaan di masa akan datang dikawal, antaranya inisiatif meter diletakkan di PTJ bagi mengawasi dan menjimatkan perbelanjaan utiliti PTJ. Sekiranya tidak terkawal, caj utiliti mencecah RM39/unit. - Dato' NC meminta agar memikirkan kaedah untuk menjana pendapatan antaranya PTJ membida projek, hasil ladang, cadangan yuran dikenakan mengikut taraf kehidupan pelajar (<i>poor – pay at lower rate/ rich – pay at a higher rate</i>), pembangunan hartanah dan endowmen waqaf.	
4.	Sesi soal jawab berkenaan pembentangan oleh Y. Brs. Bendahari: a. <u>Prof Dr. Mad Nasir Shamsudin, Dekan FP:</u> Persoalan mengenai peratus emolumen UPM kiranya dibandingkan dengan IPTA lain; dan persoalan mengenai pendapatan UPM Holdings yang dilaporkan kecil. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> UPM menyuntik sejumlah RM5j modal ke UPM Holdings dengan pulangan dividen RM1j setahun. Pada masa yang sama sewaan RM5j dibayar oleh UPM Holdings, manakala pembayaran gaji staf UPM Holdings ditanggung sendiri. <u>Maklumbalas Bendahari:</u> Peruntukan kewangan IPTA RU lain adalah hampir sama cuma berbeza dengan peruntukan khas (bidan dalam bidang-bidang pakar), dan melibatkan aktiviti berkos tinggi (kos perubatan). Dato' NC meminta agar sebarang penjanaan pendapatan disumbangkan ke waqaf ilmu, cadangan agar tuntutan lebih masa juga dikontrakan dengan sumbangan waqaf ilmu. b. <u>Prof. Dr. Rahinah Ibrahim, Dekan FRSB:</u> Persoalan mengenai pembayaran emolumen staf kontrak (RM5 ribu/ bulan) di mana tahap kepantasan kerja yang berbeza-beza berbanding dengan lantikan graduan PhD, GRA (RM1,500- RM1,800/ bulan). Justeru, adalah wajar PTJ <i>manage the right size of the deparment</i> disamping menggalakkan pelajar menyambung pengajian. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Selaras dengan keperluan kawalan kos berdasarkan amalan terbaik, Universiti perlu merancang mengikut keutamaan dan mengambil kira elemen <i>multitasking</i>, produktiviti dan kecekapan staf. c. <u>Prof. Dr. Bujang Kim Huat, Dekan SGS:</u> Memberi cadangan agar menilai semula amalan penjimatan yang boleh dikenalpasti: bil utiliti, penjimatan kos sewaktu mesyuarat- jamuan makan,	

	salinan fotokopi dokumen. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Dato' NC meminta agar penglibatan semua staf perlu dalam memastikan pengurusan kewangan lebih cekap, terutama dalam mengenalpasti ruang-ruang penjimatan. Antaranya utiliti, penyewaan, hospitaliti dan emolument. Dato' NC turut mencadangkan agar bagi staf kontrak yang bermasalah di pejabat dan tidak <i>perform</i> agar diberi notis. Dato' NC turut mencadangkan agar mengadakan kempen penjimatan utiliti: tutup <i>aircond</i> pada waktu rehat tengahari, matikan mesin yang tidak digunakan, kongsi mesin fotokopi antara PTJ, memastikan penggunaan sepenuhnya bilik kuliah dan pusat pelajar Dato' NC juga meminta agar Jawatankuasa ditubuhkan untuk membincangkan dan memperincikan kaedah kawalan kos (cost control measure) dan portfolio pendapatan. <u>Maklumbalas Bendahari:</u> Cadangan mengenalpasti kos perkhidmatan dan pembelian yang berbeza-beza antara PTJ: pembelian kertas A4, kos memotong rumput, kos mengangkat sampah.	
d.	<u>Tn. Hj. Rosdi Wah, Ketua Pentadbiran PNC:</u> Persoalan mengenai pendapatan dari penyelidikan (RM160j) adalah untuk perbelanjaan aktiviti penyelidikan dan sekiranya dapat dikenalpasti peratusan pendapatan tersebut yang boleh menyumbang kepada produk pengkomersilan; dan cadangan agar mana-mana PTJ berkaitan boleh mengenakan caj pemprosesan (cth: Pejabat Pendaftar boleh mengenakan caj pemprosesan borang permohonan pekerjaan) dan seterusnya membentuk polisi agar PTJ yang boleh menjana pendapatan sendiri untuk turut menampung kos belanja mengurus PTJ. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Bagi aktiviti penyelidikan, sebarang perbelanjaan berkaitan penyelidikan adalah bergantung kepada sumber dana yang diperolehi – antaranya pembayaran gaji RA, pasca-doktoral, perjalanan dan belanja mengurus. Dato' NC meminta agar Universiti memastikan pemarkahan SETARA, MyRA dan urustadbir adalah baik supaya persepsi awam mengenai pengurusan perkhidmatan UPM adalah terbaik, justeru secara langsung caj pemprosesan boleh dilaksanakan.	
e.	<u>En. Amran Samek, Pejabat TNCJIM:</u> Memberi cadangan mengenai program diploma secara sambilan (part-time) diadakan, kerana terdapat permohonan daripada pekerja-pekerja estet ladang namun tidak berkelayakan;	

	dan turut memaklumkan bahawa satu kertas cadangan telah dihantar kepada JPU berkaitan pajakan kebun getah kepada syarikat tetapi telah ditolak; dan juga mencadangkan agar perkhidmatan makmal UPM boleh ditawarkan kepada orang luar. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Universiti masih mempunyai kapasiti yang belum diterokai (untapped capacity) berkaitan penggunaan makmal. Dato' NC meminta agar terma perjanjian bagi cadangan pajakan kebun getah dikenalpasti dan perkara ini diterajui oleh IBS. Berkaitan pengambilan pelajar program Diploma: UPMKB berada di tahap kapasiti yang minimum (bilangan semasa 1,500 orang pelajar) kerana UPMKB boleh menguruskan sehingga 5,000 orang pelajar.	
f.	<u>Tn. Hj. Mohamed Ghazali Hj Ali, Pengarah PIU:</u> Memberi cadangan agar ada satu pihak yg memberi tumpuan khusus dalam usaha menambah pendapatan Universiti di samping berusaha untuk mendapatkan kerjasama dan komitmen dari pihak-pihak terlibat; Memberi cadangan agar setiap PTJ turut mewaafkan tabung dan juga menyeru kepada semua staf untuk mewaafkan sebahagian daripada gaji untuk keberkatan.	
g.	<u>Prof. Dr. Zulkifli Idrus, Pengarah ITA:</u> Persoalan mengenai kos penyelenggaraan ke atas kenderaan Universiti memandangkan kebanyakan kereta yang sudah lama (Proton Perdana - RM15 ribu/tahun, NAZA (RM30 ribu/tahun). <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Bendahari sudah menghantar kertas cadangan ke JPU mengenai perbelanjaan kos penyelenggaraan dengan tiga (3) cadangan: beli baru, sewa pajak, atau membayar elaun kenderaan. Oleh yang demikian, pembayaran elaun (beserta kriteria yang telah ditetapkan oleh Bendahari) merupakan cadangan yang paling menjimatkan, namun kini di dalam proses permohonan Kementerian Kewangan.	
h.	<u>En Mohd Zailani Abd Razak, Presiden KEPERTAMA:</u> Persoalan mengenai insentif kenaikan tangga kejayaan (pertumbuhan dari Kolej Pertanian ke UPM berautonomi) bagi kumpulan pelaksana.	
i.	<u>Prof. Madya Dr. Zaid Ahmad, Dekan FEM:</u> Persoalan mengenai keperluan menentukan 'harga' perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh staf akademik di Fakulti kepada agensi-agensi luar yang memerlukan kepakaran staf; dan persoalan berkaitan birokrasi dalam ruang kreativiti yang dibenarkan oleh staf (cth: untuk mewujudkan program <i>offshore</i> di Bangladesh and Indonesia).	
j.	<u>Prof. Dr. Mohamad Shahwahid Othman, Dekan FEP:</u> Persoalan mengenai penyediaan <i>seed money</i> oleh UPM atau UPM	

Holdings bagi staf akademik sains sosial untuk menjalankan penyelidikan, dengan syarat khidmat perundingan projek dilakukan, penghasilan buku atau <i>money-back guarantee</i>. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Peruntukan insentif/<i>top-up system</i> hanya boleh dilaksanakan apabila Universiti boleh menjana pendapatan sendiri. Perkhidmatan staf akademik boleh ditetapkan pada harga yang tinggi sekiranya ada permintaan. Peruntukan <i>seed money</i> ada ditawarkan oleh UPM Holdings, dan peruntukan bidaan (Tabung Khas Bidaan) juga ada ditawarkan oleh Universiti. <u>Maklumbalas Bendahari:</u> Universiti perlu menggunakan pendekatan baharu dalam menjana pendapatan <i>not business as usual</i>, bermula dengan infrastruktur yang betul dan penjimatan yang berterusan.	
---	--

PERKARA 6 PEMBENTANGAN LAPORAN STATUS PELAKSANAAN PENGURUSAN NILAI UPM

BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	Pembentangan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pengurusan Nilai/ Timbalan Pengarah Perancangan Korporat	Rujukan: Lampiran 7
2.	Kesimpulan pelaksanaan pengurusan nilai di UPM: 1. Bermula atas arahan Dato' NC pada Jun 2011. 2. Keputusan lab VM dilaporkan kepada TNCPi dan disalinkan kepada JPU. 3. Urusetia VM telah membangunkan prosedur dan garis panduan VM yang masih diperingkat penambahbaikan dan akan dibentangkan kepada JPU. 4. Secara umumnya 20%-30% dari jumlah kos projek/program/ sistem dapat dijimatkan berdasarkan kertas cadangan yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kerja Pengurusan Nilai sehingga April 2012.	Makluman: Semua
3.	Sesi soal jawab berkenaan pembentangan Pengurusan Nilai: a. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Dato' NC menjelaskan kawalan kos banyak boleh dijimatkan tetapi pusingan VM masih belum lengkap sepenuhnya, dan meminta pelaporan perbandingan dilakukan pada masa hadapan iaitu mengenai jumlah cadangan sesuatu projek, jumlah selepas VM dan jumlah selepas pembinaan selesai. b. <u>Prof. Dr. Mohd Ali Hassan, Dekan FBSB:</u> Sistem VM perlu ditambahbaik kerana pemilik projek menganggap VM sebagai birokrasi kerana melambatkan pelaksanaan sesuatu projek. Kemampuan BPK mengurus projek memerlukan kerjasama dari PTJ, PPPA dan pakar yang dilantik (yang lambat memberi maklum balas).	Tindakan: JKPN

PERKARA 7 PERBINCANGAN AGENDA AUTONOMI UPM

BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	Pembentangan oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor.	Rujukan: Lampiran 8
2.	Kesimpulan: 1. Autonomi pada asasnya untuk membolehkan Universiti bergerak kearah kecemerlangan kerana selama ini banyak halangan birokrasi dan memberi lebih ruang membuat keputusan sendiri. 2. Lembaga Pengarah Universiti di beri kuasa yang lebih terutamanya Naib Canselor. 3. Universiti mengurus dan menjana pendapatan sendiri. 4. Berdasarkan pengukuran pencapaian, UPM dalam kedudukan yang baik, secara kerangka teoritikal dan pratikal. 5. Cabaran dari kawal dan penjanaan pendapatan setelah pemegang kuasa melepaskan punca kuasa mereka.	Makluman: Semua
3.	Sesi soal jawab berkenaan pembentangan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor: a. <u>Prof. Dr. Ahmad Ismail, Presiden PPA:</u> Yang penting sekarang mendapatkan sumber kewangan untuk membayar gaji. Jika UPM boleh menawarkan skim gaji yang baik sudah tentu boleh menarik ramai berkhidmat dengan UPM. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> UPM boleh menjalankan kajian pilot berdasarkan 185 profesor sama ada menunjukan prestasi baik, terutama mereka yang berstatus kontrak. UPM boleh membayar gaji serendah RM8,000.00 sebulan hingga RM16,000.00 sebulan untuk perkhidmatan secara kontrak. Dekan bertanggungjawab. b. <u>Prof. Dr. Fakhru'l-Razi Ahmadun, Dekan FK:</u> Mesti ada kriteria yang jelas sebelum UPM membuat keputusan secara objektif dan boleh diukur. Bagi pihak fakulti tidak diberi kuasa untuk menguruskan kewangan sendiri tetapi beroperasi sebagai entiti perniagaan. Contohnya, peruntukan dan autonomi diberi kepada PTJ tetapi tertakluk kepada pengauditan. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> UPM perlu berbincang dari segi pemusatan kawalan autonomi. Terdapat proses mengenai perkara/item yang boleh diturunkan atau dipertanggungjawabkan kepada ketua jabatan. Faktor kritikal ialah kebolehan mengawal kos dan pendapatan yang dijana untuk perbelanjaan. Ini akan berlaku jika UPM cukup matang dan boleh membangunkan sistem sendiri. Kriteria memansuhkan perjawatan untuk profesor kontrak berdasarkan keperluan KPI, ada polisi pemisah jika prestasi tidak baik dalam tempoh setahun. Dekan memantau KPI profesor.	

	Bagaimana pula dengan pegawai yang tetap dan berpencen yang memerlukan kaedah untuk menangani. Jemaah Dekan perlu berbincang untuk mengatasi masalah ini.	
c.	<u>Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian, TP Pusat Alumni:</u> Alumni turut dilibatkan dalam autonomi <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Alumni juga boleh menyumbang kepada Wakaf.	
d.	<u>Prof. Madya Dr. Noor Azman Ali, TP BPK:</u> Merujuk kepada 9 pengukuran pencapaian, dimana 60% fokus kepada ahli akademik yang dianggap matang, 10% pengurusan kewangan cukup matang, 10% pengurusan sumber manusia, pengurusan prestasi dengan pengukuran prestasi sepatutnya sudah wujud polisi pemisah yang boleh diguna pakai. 10% prasarana fizikal. 10% aksesori. <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Audit UGGI telah dilaksanakan untuk mengaudit proses semasa. Di mana peruntukan telah dikurangkan bagi penajaan pendapatan. Hakikatnya UPM belum cukup matang tetapi diberi amanah oleh kerajaan untuk melaksanakan autonomi.	
e.	<u>Bendahari:</u> IPTA menjual perkhidmatan, semua pendapatan dari kerajaan adalah pendapatan UPM yang perlu diurus secara berhemah dengan memperincikan SOP supaya terlepas dari tanggungjawab. Oleh itu UPM berfikir di luar kota pemikiran dan memerlukan peralihan paradigma.	

PERKARA 8 PEMBENTANGAN LOG FRAME ANALYSIS (LFA) 3RD ROLLING PLAN (PEMBANGUNAN)

BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	Pembentangan oleh Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Aset	Rujukan: Lampiran 9
2.	Kesimpulan: 1. Rumusan Perolehian Rolling Plan: 1. Projek yang akan diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) adalah berdasarkan pengumuman YB Perdana Menteri, memperolehi kelulusan Kabinet dan berasaskan keperluan agenda nasional. 1. <u>1st Rolling Plan:</u> Peruntukan pembangunan yang diluluskan adalah sambungan tujuh (7) projek dengan memperolehi jumlah RM40j (RM20j peruntukan awal + RM20j peruntukan tambahan) 2. <u>2nd Rolling Plan:</u> Tiada peruntukan pembangunan yang diluluskan 3. <u>3rd Rolling Plan (2013 - 2014):</u> Cadangan agar projek yang akan dipohon adalah berkaitan dengan <i>Food Security, Food Safety</i> dan Halal;	
		Makluman: Semua

	2. Dua teras permohonan bagi LFA: 4. Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan Dan Inovasi Negara Serta Memupuk 'Minda Kelas Pertama'; dan 5. Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan, dimana sumbangan utama program yang boleh Universiti terlibat: 1. Peningkatan Kompetensi Siswazah 2. Peningkatan Keupayaan Penyelidikan dan Inovasi 3. Transformasi Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam 3. Proses Permohonan dan Kelulusan LFA: Permohonan ke KPT/* Kementerian berkaitan ↓ Diperakukan oleh KPT* ↓ KPT* menghantar ke EPU ↓ Diperakukan oleh EPU ↓ EPU hantar ke MOF ↓ Kelulusan oleh MOF 4. PTJ disarankan untuk memohon peruntukan pembangunan yang bernilai strategik dan menyokong keperluan teras dan program Kementerian, serta memastikan permohonan disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap.	Makluman: Semua
3. a. b. c.	<u>Sesi soal jawab berkenaan pembentangan oleh Pengarah PPPA:</u> <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Dato' NC mensarankan pendekatan 'top-down' yang boleh dilaksanakan oleh PTJ agar selari dengan Pelan Strategik UPM dan kerangka Kementerian, di mana permohonan PTJ dikawalselia oleh pejabat TNCPI. <u>Maklumbalas TNCPI:</u> Bagi RMK-10, pendekatan 'bottom-up' diadaptasi, namun tidak berjaya memperolehi peruntukan pada 1st dan 2nd Rolling Plan. Justeru, PTJ diminta membuat permohonan menggunakan pendekatan bersesuaian berasaskan projek mengikut keperluan Universiti sebagai peneraju <i>Food Security, Food Safety</i> dan Halal. Turut meminta agar PTJ membuat laporan penuh bagi permohonan peruntukan kewangan dan tidak hanya membuat senarai peralatan yang diperlukan. <u>Maklumbalas Bendahari:</u> Turut meminta agar permohonan menggunakan pendekatan 'top-down' menyokong KPI Kementerian dan KPI Menteri.	Makluman/Tindakan: TNCPI Makluman/Tindakan: Semua

PERKARA 9 PEMBENTANGAN MAKLUMBALAS LAPORAN AUDIT NEGARA

BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1	Pembentangan oleh Oleh Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).	Rujukan: Lampiran 10
2.	Kesimpulan: PTJ/ TPU diminta untuk turut mengambil perhatian atas perkara-perkara dibawah: 1. Kemudahan dan peralatan tidak dimanfaatkan sepenuhnya 1. Pemantauan terhadap penggunaan kemudahan/peralatan termasuk peralatan penyelidikan. 2. Memastikan projek pelaksanaan '<i>functional</i>'. 3. Pelaksanaan <i>Value Review</i> yang diterajui oleh TNCPI bagi projek-projek yang siap sepenuhnya tetapi tidak '<i>functional</i>', dimulakan dengan Kompleks FBSB. 4. Kapasiti ruang tidak dimanfaatkan sepenuhnya (cth: kandang kambing/ kuda dengan hanya 3-4 ekor kambing/ kuda). 2. Penyenggaraan infrastruktur dan kemudahan 5. Mengadakan penyelenggaraan yang berkesan dengan menggunakan tenaga kerja dalaman, tanpa keperluan <i>outsource</i>. 3. Penghantaran stok 6. Pemantauan terhadap kuantiti penerimaan/penghantaran stok sama dengan kuantiti dalam invois pembayaran. 4. Penjagaan ternakan 7. Tiada penjadualan/ label/rekod dalam penjagaan dan pendaftaran ternakan/ pastura. 5. Pengasingan tugas 8. Kepentingan mengenalpasti kawalan dalaman bagi pengasingan tugas, terutama bagi kewangan dan hasil ladang. 6. Pemantauan 9. Terutama bagi PPPA dan PTJ berkaitan. PTJ dipohon untuk mengambil iktibar daripada laporan ini dan disarankan agar individu yang berkaitan memastikan koordinasi perancangan terlaksana : 10. Jurutera/ Juruteknik agar projek pengawasan mencapai sasaran sesuatu projek dan boleh digunapakai oleh Pengguna 11. Bendahari memastikan pembayaran yang bertepatan <u>Maklumbalas Dato' Naib Canselor:</u> Hasil daripada teguran Laporan Audit Negara, Universiti diminta untuk mengambil langkah penambahbaikan dan pembetulan, antaranya penggunaan Pusat Pelajar, Bilik Kuliah dan Makmal.	Makluman/Tindakan: Semua Makluman/Tindakan: Semua Tindakan: PPPA/ Bendahari Tindakan: HEP/ BAU/PTJ

PENUTUP RESOLUSI BENGKEL

BIL	PERKARA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
1.	Secara keseluruhannya, pencapaian KPI UPM adalah baik namun memerlukan ruang penambahbaikan dari: 1. TNCPI: 1. Bagi merapatkan jurang penyelidikan berdasarkan keperluan MyRA II 2. TNCHEPA: 2. Tumpuan kepada dana Waqaf Ilmu 3. TNCJIM: 3. Membentuk instrumen penilaian bagi PTJ Perkhidmatan menjelang Q2. 4. Pengarah IDEC: 4. Membaikpulih sistem-sistem dengan segera (cth: unlock capping for SKT) selewat-lewatnya 20 April 2012.	Tindakan: TNCPI/ PTJ Tindakan: TNCHEPA Tindakan: TNCJIM Tindakan: IDEC
2.	Penulisan Nota Jemaah Menteri akan menjelaskan pencapaian Putra Business School yang meningkat dalam masa setahun berdasarkan penilaian instrumen baharu, sekiranya pengiktirafan TBS ini ditarik semula. Pada masa yang sama, Dato' NC mengharapkan komitmen dan kerjasama yang erat di antara staf PBS dan FEP.	Tindakan: GSM/PBS
3.	Staf disarankan untuk menghayati misi Universiti disamping berupaya menyesuaikan diri mengikut perubahan dan kehendak pengurusan/ Kementerian. Keperluan ini bersesuaian dengan pembentukan Indeks Produktiviti Staf, di mana sistem penaksiran adalah kejam, telus, jelas dan adil. Dato' NC turut meminta agar perincian perancangan dan pelaksanaan waran perjawatan dikenalpasti yang melibatkan organisasi berkaitan secara menyeluruh (PPAUPM, PPUPM dan KEPERTAMA).	Tindakan: PENDAFTAR
4.	Dato' NC merumuskan keperluan perincian kawalan kos melalui pengurusan nilai, dan penjimatan yang boleh ditingkatkan (cth: emolumen, utiliti, hospitaliti), dan pembangunan portfolio pendapatan secara menyeluruh (hartanah, perniagaan, yuran, endowmen, waqaf dan bidaan).	Tindakan: BENDAHARI/PTJ
5.	Dato' NC meminta agar tiada birokrasi di dalam pelaksanaan pengurusan nilai kecuali ada keperluan perundangan dan peraturan.	Tindakan: BPK
6.	Dato' NC akan menerajui pelaksanaan autonomi berasaskan kerangka dan isu yang telah dikenalpasti dengan syarat pendapatan dijana sendiri oleh Universiti. Perancangan mampu dicapai memandangkan UPM	Makluman/Tindakan: PTJ

7.	mempunyai asas yang kukuh, matang dan maju ke hadapan. Dato' NC meminta agar TNCPI menerajui pelaksanaan LFA dan ketua PTJ diminta memohon bagi 3 rd Rolling Plan.	Tindakan: TNCPI/ PTJ
8.	Dato' NC menegaskan keperluan pembudayaan keprihatinan (passionate) staf terhadap tugas dan persekitaran di Universiti tanpa perlu menerima teguran organisasi luar (Audit Negara).	Tindakan: PTJ

**SENARAI KEHADIRAN BENGKEL PENILAIAN
PENCAPAIAN KPI Q1 2012 DAN PERBINCANGAN AUTONOMI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 13 – 14 April 2012
Masa : 9.00 pagi
Tempat : The Royale Bintang Seremban

HADIR

- | | |
|---|---|
| 1. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi | Naib Canselor |
| 2. Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) |
| 3. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) |
| 4. Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
| 5. Prof. Dr. Tai Shzee Yew | Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) |
| 6. Dato' Wan Azman Wan Omar | Pendaftar |
| 7. En. Zulkiflee Othman | Bendahari |
| 8. En. Amir Hussein Mohd Ishak | Pustakawan |
| 9. Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman | Perundang-undangan |
| 10. Prof. Madya Dr. Nor Kamariah Noordin | Bahagian Perancangan Korporat |
| 11. Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin | Fakulti Pertanian |
| 12. Prof. Datin Dr. Faridah Hanum Ibrahim | Fakulti Perhutanan |

LAMPIRAN 7

13. Prof. Madya Datuk Dr. Bashir Ahmad Fateh Mohamed	Fakulti Perubatan Veterinar
14. Prof. Dr. Mohd Shahwahid Hj. Othman	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
15. Prof. Dr. Fakhru'l Razi Ahmadun	Fakulti Kejuruteraan
16. Prof. Dr. Ab. Rahim Bakar	Fakulti Pengajian Pendidikan
17. Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Talib	Fakulti Sains
18. Prof. Dr. Mohd Yazid Abdul Manap	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
19. Prof. Madya Dr. Zaid Ahmad	Fakulti Ekologi Manusia
20. Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
21. Prof. Dr. Rahinah Ibrahim	Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina
22. Prof. Dr. Norlijah Othman	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
23. Prof. Madya Dr. Ramlan Mahmood	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
24. Prof. Dr. Mohd Ali Hassan	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
25. Prof. Madya Dr. Ramdzani Abdullah	Fakulti Pengajian Alam Sekitar
26. Prof. Dr. Japar Sidik Bujang	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan
27. Prof. Dr. Bujang Kim Huat	Sekolah Pengajian Siswazah
28. Prof. Dr. Arfah Salleh	Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan
29. Prof. Dr. Abdul Rahman Omar	Institut Biosains
30. Prof. Dr. Robiah Yunus	Institut Teknologi Maju
31. Y.M. Prof. Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid	Institut Gerontologi
32. Prof. Dato' Dr. Haji Kamel Ariffin Mohd. Atan	Institut Penyelidikan Matematik
33. Prof. Dr. Russly Abdul Rahman	Institut Penyelidikan Produk Halal
34. Prof Madya Dr. Paridah Md Tahir	INTROP
35. Prof. Dr. Fatimah Mohd Arshad	IKDPM
36. Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah	IPSAS
37. Prof. Dr. Zulkifli Idrus	ITA
38. Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian	Alumni
39. Prof. Ir. Dr. Norman Mariun	RMC
40. Pn. Noorizai Mohd Noor	PKKSAAS
41. Prof. Dr. Aida Suraya Md Yunus	CADe
42. Prof. Dr. Mahiran Basri	ASPer
43. Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis	iDEC

LAMPIRAN 7

44. Prof. Madya Dr. Nordin Abd Rahman	APEEC
45. Tn. Hj. Mohamed Ghazali Haji Ali	PIU
46. Prof. Dr. Abdul Jalil Nordin	Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear
47. Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran	Pusat Inovasi, Keusahawanan & Pembangunan Pelajar
48. Prof. Dr. Abdul Wahid Haron	TPU
49. Prof. Madya Dr. Samsul Bahari Mohd Noor	PPPA
50. Prof. Madya Dr. Shameem Mohd Rafik Khan	MARCOMM
51. Dr. Che An Abdul Ghani	CPC
52. Dr. Mohd Rafee Baharudin	PPKKP
53. Prof. Dr. Siti Shapor Siraj	Stesen Sains Marin
54. Prof. Dato' Dr. Mohamed Sharif Mohd Din	Putra Science Park
55. Prof. Dr. Mazanah Muhamad	CaRe
56. Prof. Madya Dr. Mardziah Hayati Abdullah	Pusat Pengembangan Bahasa
57. Prof. Dr. Muhammad Nazrul Hakim	Akademi Sukan
58. ACP Abdul Razak Ghafur	Keselamatan
59. Prof. Madya Dr. Noor Azman Ali	Bahagian Perancangan Korporat
60. Prof. Madya Dr. Mohammad Hammiruce Marhaban	RMC
61. Prof. Madya Dr. Mohd Kamil Yusoff	UPM Holdings
62. Prof. Dr. Ahmad Ismail	Persatuan Pegawai Akademik
63. Dr. Roselan Baki	KMR
64. Pn. Rosna Abdul Rahman	K2
65. Dr. Pakhriazad Hassan Baki	KTDI
66. Prof. Madya Dr. Haji Jamaludin Haji Ahmad	K6
67. Lt. Kol Othman Jailani	KOSASS
68. Dr. Abdul Razak Abdul Rahman	KTP
69. Dr. Farinazleen Mohamad Ghazali	KPZ
70. Prof. Madya Dr. Zulkifle Leman	K10
71. Pn. Iza Dura Abd. Manan	K11
72. Dr. Ismail Abd Latif	K12
73. Dr. Arifin Abdu	K13
74. Dr. Omrah Hassan@Hussin	K14

LAMPIRAN 7

75. Dr. Fatimah Sidi	K15
76. Dr. Paiman Bawon	K16
77. Tn. Hj. Rosdi Wah	PNC
78. Pn. Chek Zan Kasah	Bahagian Akademik
79. En. Mustaffa Hj Dollah	TNC (P&I)
80. Tn. Hj. Jamsari Tamsir	TNC (HEP&A)
81. En. Amran Samek	TNC (JI&M)
82. Pn. Siti Badarny Hassan	GSM
83. Dr. Yahaya Abu Ahmad	PKU
84. Tn. Hj. Hamzah Ismail	Pusat Sukan
85. En. Abdullah Arshad	MarComm
86. Pn. Zainora Abdul Talib	Audit Dalam
87. Pn. Arbaiyah Md. Isa	Bahagian Akademik
88. Prof. Madya Dr. -Ing. Ir. Renuganth Varatharajoo	Jaringan Industri
89. En. Hashim Md. Shari	Pendaftar
90. En. Muhammad Adil Ahmad Tajuddin	Pendaftar
91. Pn. Suhana Md Chairi	Pendaftar
92. Cik Nor Azizah Tamsi	Pendaftar
93. Pn. Kamariah Mohd Saidin	Penerbit
94. Tn Hj. Abdul Ghani Hashim	TPU
95. Cik Nor Hasliza Hassan	TNC (A&A)
96. En. Noor Mohamad B. Shakil Hameed	KB
97. En. Mohd Pauzi Abd Karim	HEP
98. Pn. Zuraidah Ahmad	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
99. En. Mohd Zailani Abd Razak	KEPERTAMA

TIDAK HADIR BERSEBAB

1. Prof. Dr. Siti Shapor Siraj	Stesen Sains Marin
2. Dr. Hanafiah Ayub	KC
3. Pn. Nor Adida Ab Khalid	Sekolah Pengajian Siswazah
4. En. Abdullah Arshad	MarComm
5. En. Muhammad Adil Tajuddin	Pejabat Pendaftar

LAMPIRAN 7

6. Tn. Hj. Zakariah Hamid

Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

7. En. Noor Mohamad B. Shakil Hameed

Bahagian Perancangan Korporat

TIDAK HADIR

8. Tn. Syed Agil Alsagoff

K5

9. Dr. Abdah Md. Akim

K17

10. En. Amran Zakaria

Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

11. En. Mohd Faudzir Abu Bakar

Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

STATUS TINDAKAN PENCEGAHAN

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidakpatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tanggung jawab	Catatan
1.	Aktiviti pengurusan dan pembangunan universiti berkemungkinan terjejas	Pengurangan peruntukan bajet Universiti Penyelidikan (RU) sebanyak RM50juta bermula tahun 2013 yang memerlukan UPM untuk menjana pendapatan sendiri kerana KPT akan menggunakan model agihan bajet berasaskan prestasi (PSPTN vs <i>Buying of Service</i>)	- Mewujudkan/meningkatkan portfolio penajaan pendapatan antaranya waqaf, hartanah, yuran, penajaan pendapatan UPM Holdings, perkhidmatan, sewaan dan hasil ladang. - Perlu melihat kepada bidang penjimatan/ kawalan kos	Bendahari	Maklumat daripada laporan Pencapaian Q1 2012 Bendahari
2.	Mengelak mendapat markah "Unsatisfactory" yang kurang 75% daripada markah keseluruhan skor MYRA II	Kekurangan calon tempatan untuk memohon pasca-doktoral	Setiap PTJ dikehendaki untuk mengambil 3 pasca-doktoral tempatan, dan dicadangkan untuk Sekolah Pengajian Siswazah mengenalpasti graduan PhD untuk ditawarkan perjawatan pasca-doktoral dalam tempoh 6 bulan (dengan menggunakan dana RU)	TNC PI	Maklumat daripada laporan Pencapaian Q1 2012 TNCPI

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidakpatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tanggung jawab	Catatan
3.	Aktiviti universiti akan terjejas apabila banyak berlaku masalah disiplin dikalangan staf	Kurang pemantauan secara berterusan oleh Pegawai Penyelia bagi tujuan kawalan dan pengawasan tatatertib	1. Surat peringatan/Pekeliling daripada Pejabat Pendaftar berkaitan pemantapan tahap disiplin 2. Program pencegahan, perkembangan, pengkayaan serta pemulihan bagi staf UPM 3. Taklimat bersiri	Pendaftar	
4.	Kemudahan dan peralatan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.	Perancangan dan pemantauan kurang berkesan	1. Pemantauan terhadap penggunaan kemudahan/peralatan termasuk peralatan penyelidikan. 2. Pelaksanaan <i>Value Review</i> bagi projek-projek yang siap sepenuhnya tetapi tidak <i>'functional'</i>,	TNC PI	Maklumat daripada laporan audit Negara yang dibentang di dalam Pembentangan KPI Q1 2012 TNCPI
5.	Kemungkinan tidak dapat mencapai objektif kualiti bagi peratusan pelajar bergradut dengan kelas pertama (12%) dan kelas kedua tinggi (80%) berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan dari tahun 2006/2007 hingga 2010/2011	1. tiada pemantauan bagi pelajar cemerlang di peringkat fakulti 2. penasihat akademik di fakulti tidak memainkan peranan dalam memastikan pelajar cemerlang mengekalkan prestasi yang cemerlang	1. Mengadakan perbincangan di Bahagian Akademik untuk melihat statistik pencapaian pelajar bergraduat dengan kelas pertama dan kedua tinggi bagi mengenalpasti tindakan pencegahan yang perlu diambil 2. Perbincangan dengan dekan fakulti hasil analisis pencapaian bermula dari tahun 2006/2007 hingga	Bahagian Akademik	Oktober 2012

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidakpatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tanggung jawab	Catatan
			2010/2011 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Universiti yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa) bagi mengenalpasti tindakan yang perlu diambil.		

STATUS TINDAKAN PEMBETULAN

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tarikh tindakan	Tanggung jawab	Catatan
1.	Kemasukan pelajar prasiswazah antarangsa tidak mencapai sasaran KPI UPM Q4 2011	Kurang promosi untuk menarik pelajar prasiswazah ke UPM	Penubuhan UPM International Sdn. Bhd untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa	14/9/2011	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	Kelulusan JPU 414
2.	Kebolehpasaran graduan tidak mencapai sasaran KPI UPM Q4 2011	Tidak mengambilkira graduan yang menunggu penempatan	Menukar operasi definisi	Disember 2011	Timbalan Naib Canselor (hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	Mengikut definisi KPT

PELUANG PENAMBAHBAIKAN

Bil	Keterangan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh tindakan	Catatan
1.	Meningkatkan sistem pengurusan tadbir urus dan kebertanggungjawaban univesiti dalam usaha menjadi institusi berinovasi dan berdaya saing	Pelaksanaan autonomi	2012	Pengumuman oleh Menteri Pengajian Tinggi semasa majlis amanat Tahun Baru 2012 KPT pada 26 Januari 2012
2.	Mengoptimumkan penggunaan dan pengurusan sumber manusia (<i>Multitasking</i> , perkhidmatan yang kejut)	Membangunkan Pelan Induk Sumber Manusia termasuk pelan penggantian	2012	
3.	Meningkatkan peratus kebolehpasaran graduan (GE) dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduat	Menetapkan lulus band 4 <i>Malaysia University English Test</i> (MUET)/ <i>Test On Communication In English</i> (TOCIE) sebagai syarat bergraduat pelajar (bermula Sesi 2011/2012)	April 2011, Mei 2012	Keputusan Mesyuarat Senat Ke-555 pada 12 Ogos 2011
4.	Meningkatkan sistem keselamatan universiti secara menyeluruh	• Menstruktur semula organisasi Bahagian Keselamatan • Meningkatkan kerjasama dengan Agensi keselamatan luar kampus (Polis, Bomba) • Meningkatkan status Pegawai Keselamatan sebagai polis bantuan	2012	

Bil	Keterangan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh tindakan	Catatan
5.	Meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kampus	Mengenalpasti keutamaan pengurusan keselamatan tempat kerja	2012	
6.	Meningkatkan kredibiliti dan pengiktirafan makmal di peringkat antarabangsa	Menambahkan bilangan sebanyak 12 makmal mendapat pengiktirafan akreditasi	Disember 2012	
7.	Meningkatkan amalan terbaik keselamatan maklumat Universiti	Mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001	Disember 2012	
8.	Menilai pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) Pentadbir	Membangunkan KPI Pentadbir yang objektif dan berwibawa	Jun 2012	
9.	Meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan	Membangunkan piagam pelanggan yang objektif berasaskan proses/PTJ	Jun 2012	
10.	Menyokong penyelidikan dengan penempatan staf sepenuh masa ke institut	Mewujudkan Ekosistem Institut	Jan 2012	
11.	Menilai dan memberi kemudahan kolej yang lebih baik kepada pelajar	Membangunkan sistem penilaian kolej	Mei 2012	

*OFI : peluang penambahbaikan